

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

63 PERSPEKTIF KESELURUHAN

64 EKONOMI 2023

EKONOMI GLOBAL

Sisipan 2.1 – Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan: Membina ASEAN yang Mampan

EKONOMI DOMESTIK

Rencana 2.1 – Ekonomi Dipacu Pelaburan Demi Pertumbuhan Mampan di Malaysia

Rencana 2.2 – Memacu Pertumbuhan Ekonomi Berimpak Tinggi melalui Pelaburan Langsung

103 TINJAUAN 2024

TINJAUAN GLOBAL

TINJAUAN DOMESTIK

110 KESIMPULAN

111 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Ketidaktentuan luaran yang berterusan menguji daya tahan ekonomi Malaysia

Pertumbuhan global diunjur menyederhana pada 2023 dan 2024 berikutan pertumbuhan yang perlahan dalam kalangan ekonomi maju. Faktor lain yang mempengaruhi pertumbuhan sederhana ini termasuk ketidakstabilan pasaran kewangan disebabkan oleh dasar monetari yang lebih ketat; ketegangan geopolitik yang berpanjangan; dan peningkatan perubahan iklim. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi semakin berkurangan selaras dengan kestabilan rantai bekalan. Di samping itu, perdagangan global turut diunjur menyederhana pada 2023 sejajar dengan permintaan global yang rendah. Namun, perdagangan dunia dijangka meningkat pada 2024 seiring dengan peningkatan aktiviti perdagangan dalam ekonomi maju serta pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE).

Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan dengan cabaran persekitaran luar. Pada separuh pertama 2023, pertumbuhan KDNK meningkat sebanyak 4.2% disokong oleh permintaan domestik yang kukuh terutamanya perbelanjaan swasta. Sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar ekonomi terus memacu pertumbuhan susulan pertambahan ketibaan pelancong dan peningkatan perbelanjaan pengguna. Sektor pembinaan terus berkembang selaras dengan penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur dan pelaburan yang direalisasikan bagi pembangunan bukan kediaman dan kediaman. Perkembangan tersebut telah mengimbangi

impak negatif daripada sektor luar berikutan permintaan luar yang perlahan terutamanya daripada rakan dagang utama negara.

Peningkatan ketidaktentuan luar akan menimbulkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun berhadapan pelbagai cabaran, namun ekonomi negara terus mendapat manfaat daripada dasar dan inisiatif yang dilaksanakan selama ini bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Secara keseluruhan, ekonomi diunjur menyederhana pada separuh kedua 2023 terutamanya disebabkan oleh permintaan luar yang dijangka kekal lemah serta kesan asas yang tinggi pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, permintaan domestik akan terus memacu pertumbuhan. Justeru, KDNK dijangka mencatat pertumbuhan sekitar 4% pada 2023.

Pada 2024, ekonomi diunjur berkembang antara 4% hingga 5%. Pertumbuhan ini dijangka menyeluruh dipacu oleh sektor perkhidmatan. Sektor ini akan disokong oleh kumpulan perkhidmatan perantara dan akhir yang dijangka terus meningkat didorong oleh perbelanjaan domestik yang mampan dan pemulihan aktiviti eksport. Segmen perdagangan runcit, penginapan dan restoran serta telekomunikasi diunjur berkembang selaras dengan peningkatan trend penggunaan manakala segmen perdagangan borong serta subsektor pengangkutan dan penyimpanan akan menerima manfaat daripada aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih tinggi.

Sektor pembuatan dijangka berkembang pesat disokong oleh industri berorientasikan eksport yang bertambah baik terutamanya produk E&E susulan permintaan luar yang semakin

pulih. Sementara itu, industri berorientasikan domestik diunjur kekal menggalakkan sejajar dengan prestasi pelaburan dan penggunaan domestik yang kukuh. Sektor pembinaan dijangka meningkat disumbangkan oleh pengembangan merentasi semua subsektor. Prospek sektor pertanian kekal positif disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah (MSM), pertanian lain dan ternakan. Sektor perlombongan pula dijangka kembali meningkat berikutan pemulihan dalam pengeluaran gas asli serta minyak mentah dan kondensat.

Dari sudut permintaan, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan permintaan global yang semakin pulih. Prestasi sektor yang menggalakkan ini sebahagiannya disumbangkan oleh usaha Kerajaan untuk merangsang sektor swasta supaya lebih rancak dan dinamik. Usaha tersebut merangkumi penyediaan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif disokong oleh pelaksanaan menyeluruh kerangka Ekonomi MADANI serta dasar dan pelan negara seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Sementara itu, perbelanjaan pengguna dijangka kekal kukuh disokong oleh penambahbaikan dalam pasaran buruh.

Sementara itu, pemulihan permintaan luar dijangka dapat melonjakkan prestasi eksport seterusnya meningkatkan lebih dagangan. Lebih ini disokong oleh peningkatan pendapatan eksport daripada akaun barangan yang akan mengimbangi aliran keluar bersih daripada akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Sehubungan itu, akaun semasa dijangka mencatat lebih sebanyak RM62.2 bilion atau 3.2% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

Dari aspek pendapatan, jangkaan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada 2024 akan memangkin prospek pendapatan tenaga kerja yang lebih tinggi. Selain itu, pengukuhan

inisiatif sedia ada melalui penerimgunaan teknologi termaju dalam aktiviti pengeluaran; dan peningkatan produktiviti melalui penambahbaikan dalam kemahiran dan latihan semula secara berterusan juga dapat menyumbang kepada pendapatan pekerja yang lebih tinggi. Justeru, peratusan pendapatan buruh dijangka terus meningkat bagi mencapai sasaran 45% daripada KDNK selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dalam tempoh jangka masa panjang.

Ekonomi 2023

Ekonomi Global

Pemulihan global yang perlahan


Pertumbuhan global diunjur berkembang sebanyak 3% berikutan pemulihan global pascapandemik yang lemah, ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan kenaikan kadar faedah oleh pelbagai ekonomi bagi mengurus inflasi. Pertumbuhan KDNK dalam kalangan ekonomi maju dijangka menyederhana pada kadar 1.5% berikutan aktiviti pembuatan yang perlahan walaupun sektor perkhidmatan mengukuh. Ekonomi AS dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 1.8% berikutan penggunaan domestik yang lebih rendah serta kenaikan kadar Fed yang berterusan. Kawasan euro pula dijangka berkembang secara marginal pada 0.9% kesan daripada pelaksanaan dasar monetari yang ketat walaupun terdapat peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan dan pelancongan.

Pertumbuhan ekonomi bagi EMDE dijangka mencatat sebanyak 4% iaitu lebih kukuh daripada ekonomi maju. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi dalam kalangan EMDE adalah berbeza. Ekonomi China dijangka berkembang sebanyak 5.2% disumbangkan oleh eksport bersih yang lebih tinggi berikutan pelonggaran dasar sekatan pergerakan meskipun pelaburan kurang menggalakkan dalam sektor hartanah. Sementara itu, ekonomi

India diunjur berkembang sebanyak 6.1% didorong oleh pelaburan domestik yang lebih kukuh. Pada masa yang sama, pertumbuhan KDNK ASEAN-5 dijangka turut berkembang pada kadar 4.6%.

Perdagangan dunia dijangka terus menyederhana kepada 2% menggambarkan permintaan global yang lebih rendah dan peralihan ke arah perkhidmatan domestik. Perdagangan dalam kalangan ekonomi maju dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.3% dan EMDE pula sebanyak 1.5%. Pengukuhan dolar AS merupakan antara faktor utama yang akan menjejaskan aktiviti perdagangan. Senario ini akan lebih memberikan kesan kepada EMDE berbanding ekonomi maju. Sementara itu, **inflasi global** dijangka mencatat sebanyak 6.8% berikutan penurunan harga makanan dan tenaga serta aktiviti ekonomi global yang lemah.

RAJAH 2.1. *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2022 – 2024*
(% perubahan)



¹ Anggaran
² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasar Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan
Dokumen ini telah dimuktamadkan sebelum penerbitan *World Economic Outlook*, Oktober 2023

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook Update* (Julai 2023)

SISIPAN 2.1

Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan: Membina ASEAN yang Mampan

Pengenalan kepada Taksonomi ASEAN

Negara anggota ASEAN mengiktiraf kepentingan dan keperluan untuk mewujudkan taksonomi kewangan yang mampan dan inklusif di rantau ini. Taksonomi ini akan berfungsi sebagai kerangka pengelasan yang seragam serta penyediaan garis panduan dan definisi yang jelas untuk aktiviti ekonomi dan instrumen kewangan mampan di rantau ASEAN. Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan (Taksonomi ASEAN) bertujuan memberikan panduan kepada pelabur, pemberi dana, pengawal selia dan pihak berkepentingan lain bagi menyelaras pelaburan dan aktiviti kewangan dengan matlamat kemampan mengambil kira kepelbagaian negara di rantau ini. Taksonomi ASEAN dibentuk untuk membolehkan kerangka ini diguna pakai bersama taksonomi sedia ada di rantau ASEAN dan antarabangsa bagi menggalakkan pelaburan rentas sempadan dan kerjasama global dalam menangani cabaran alam sekitar dan sosial.

Pembangunan Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan

Lembaga Taksonomi ASEAN (ATB) telah ditubuhkan pada Mac 2021 dengan mandat untuk membangun, mengekalkan dan mempromosikan Taksonomi ASEAN selaras dengan kepentingan untuk mewujudkan kerangka kewangan mampan yang berkesan. Seterusnya ATB telah membangunkan Taksonomi ASEAN Versi 1 pada November 2021 diikuti oleh Versi 2 pada Mac 2023 untuk mengharmonikan sistem kewangan ASEAN dengan prinsip kemampanan. Taksonomi ASEAN terdiri daripada dua elemen utama:

- i. Rangka Kerja Asas yang terpakai untuk semua Negara Anggota ASEAN (AMS) dan membolehkan penilaian kualitatif aktiviti; dan
- ii. Piawaian Lanjutan dengan metrik dan had untuk melayakkan dan menanda aras aktiviti dan pelaburan hijau.

Objektif alam sekitar di bawah Taksonomi ASEAN adalah universal dan terpakai kepada AMS selaras dengan perundangan alam sekitar negara terbabit. Objektif ini termasuk penyesuaian dan perubahan iklim; perlindungan ekosistem dan biodiversiti yang sihat; penggalakan daya tahan sumber asli; dan peralihan kepada ekonomi kitaran. Sementara itu, Piawaian Lanjutan menyediakan butiran tentang cara untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti ekonomi itu selaras dengan Taksonomi ASEAN.

Lembaga Taksonomi ASEAN

Keahlian ATB merangkumi wakil daripada empat badan sektor kewangan ASEAN iaitu *ASEAN Capital Markets Forum (ACMF)*, *ASEAN Senior Level Committee on Financial Integration (SLC)*, *Working Committee on Capital Market Development (WC-CMD)* dan *ASEAN Insurance Regulators Meeting (AIRM)*. Ahli Lembaga Pengarah merangkumi organisasi daripada 10 AMS yang dipilih oleh organisasi badan sektor tersebut bagi memastikan setiap negara ASEAN mempunyai suara dalam membangunkan Taksonomi ASEAN. Wakil Malaysia dalam ATB ialah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Selain itu, SC mempengerusikan Kumpulan Kerja ATB bagi Pembiayaan dan Penyumberan Pasaran manakala BNM mempengerusikan Kumpulan Kerja ATB bagi Rangka Kerja dan Prinsip Konseptual.

Taksonomi ASEAN Versi 1

Taksonomi ASEAN Versi 1 merangkumi enam sektor tumpuan ekonomi berdasarkan kepentingan alam sekitar dan ekonomi kepada ASEAN sejajar dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa (ISIC). Sektor tumpuan tersebut adalah:

- i. Pertanian, perhutanan dan perikanan;
- ii. Bekalan elektrik, gas, wap dan bekalan penyaman udara (Tenaga);
- iii. Pembuatan;
- iv. Pengangkutan dan penyimpanan;
- v. Bekalan air, pembetulan, pengurusan air dan aktiviti pemulihan; dan
- vi. Pembinaan dan aktiviti hartanah.

Sebagai tambahan kepada enam sektor tumpuan tersebut, ATB juga mengenal pasti tiga sektor pemangkin yang berperanan penting dalam meningkatkan prestasi sektor dan aktiviti penyahkarbon ekonomi. Pengenalanan sektor pemangkin tersebut juga akan memastikan objektif alam sekitar Taksonomi tidak akan terjejas. Sektor pemangkin tersebut adalah seperti berikut:

- i. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- ii. Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; dan
- iii. Penangkapan Karbon, Penggunaan dan Penyimpanan (CCUS).

Versi 1 menetapkan empat objektif alam sekitar dan dua kriteria penting dalam Taksonomi ASEAN yang akan digunakan untuk semua sektor kewangan dan perniagaan AMS. Objektif alam sekitar tersebut mempunyai kepentingan yang sama dan dirangka untuk digunakan bersama dengan enam objektif alam sekitar dalam Taksonomi Kesatuan Eropah (EU). Objektif alam sekitar dan kriteria penting Taksonomi ASEAN ialah:

Objektif Alam Sekitar

- Objektif Alam Sekitar 1: Mitigasi perubahan iklim;
- Objektif Alam Sekitar 2: Penyesuaian perubahan iklim;
- Objektif Alam Sekitar 3: Perlindungan ekosistem dan biodiversiti yang sihat; dan
- Objektif Alam Sekitar 4: Menggalakkan daya tahan sumber dan peralihan kepada ekonomi kitaran.


Kriteria Penting

- Kriteria Penting 1: Tidak melakukan kemudaratan ketara (DNSH); dan
- Kriteria Penting 2: Langkah pemulihan kepada peralihan.

Taksonomi ASEAN menyasarkan keterangkuman maksimum dengan mengambil kira pelbagai peringkat pembangunan ekonomi, kematangan sektor kewangan dan ketersediaan infrastruktur dalam kalangan AMS. Rangka Kerja Asas terpakai untuk semua AMS, pihak berkepentingan sektor kewangan dan perniagaan. Taksonomi ASEAN menggunakan kriteria kualitatif, sektor-agnostik dan aliran keputusan dalam menilai aktiviti. Berdasarkan Rangka Kerja Asas, aktiviti ekonomi perlu memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada objektif alam sekitar Taksonomi dan semua kriteria penting. Oleh itu, aktiviti tersebut boleh diklasifikasikan sama ada Hijau, Jingga atau Merah dalam Rangka Kerja Asas.

Piawaian Lanjutan terdiri daripada Kriteria Saringan Teknikal (TSC) bagi aktiviti dalam setiap sektor tumpuan. Piawaian ini berfungsi sebagai panduan dan skop tambahan AMS bagi aktiviti dan pelaburan yang layak selaras dengan matlamat Perjanjian Paris. Penetapan kriteria bagi piawaian ini juga adalah untuk menilai sumbangan aktiviti kepada objektif Taksonomi berteraskan alam sekitar. Piawaian Lanjutan mengambil 'pendekatan tersusun' (*stacked approach*) dalam membangunkan had tahap aktiviti. Selain itu, piawaian ini menggabungkan had yang berbeza untuk pelbagai laluan penyahkarbon bagi setiap aktiviti untuk menghasilkan rujukan lebih daripada satu had pada satu titik masa seperti dalam Rajah 2.1.1. Di bawah Piawaian Lanjutan, aktiviti boleh diklasifikasikan sama ada Hijau, Jingga atau Merah berdasarkan pematuhan tersebut.

RAJAH 2.1.1. Piawaian Lanjutan 'pendekatan tersusun' dalam membangunkan had tahap aktiviti




Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Taksonomi ASEAN Versi 2

Taksonomi ASEAN Versi 2 dilancarkan pada 27 Mac 2023 selepas melalui beberapa siri rundingan bersama pihak berkepentingan. Versi ini memperluas konsep rangka kerja pelbagai peringkat di bawah Versi 1. Taksonomi ASEAN dirangka untuk saling beroperasi bersama dengan Taksonomi EU dan Taksonomi Kebangsaan AMS yang lain. Versi 2 telah memperkenalkan Kriteria Penting 3 untuk mempromosikan aspek sosial seperti dalam Rajah 2.1.2 yang menumpukan kepada perkara berikut:

- i. Promosi dan perlindungan hak asasi manusia;
- ii. Pencegahan buruh paksa dan perlindungan hak kanak-kanak; dan
- iii. Impak kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan pelaburan.

RAJAH 2.1.2. Reka Bentuk Taksonomi ASEAN Versi 2



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Ciri unik yang diperkenalkan dalam Versi 2 ialah kriteria bagi mengurus penutupan awal loji jana kuasa arang batu ke arah penamatan penggunaan arang batu secara berperingkat. Ciri tersebut menekankan peralihan yang adil dan saksama untuk menangani keperluan komuniti dan industri yang terjejas. Taksonomi ASEAN bertujuan untuk mengurangkan potensi gangguan ekonomi dan sosial yang mungkin berlaku semasa tempoh peralihan tersebut di samping memenuhi keperluan pembangunan sosioekonomi AMS. Langkah mengklasifikasikan penamatan penggunaan arang batu secara berperingkat sebagai aktiviti hijau dan pengekal piawaian penilaian yang ketat membolehkan Taksonomi ASEAN mempercepat dan menggalakkan peralihan ke arah tenaga alternatif yang lebih bersih dan mampan di rantau ini. Pendekatan ini berfungsi sebagai langkah progresif dan proaktif untuk menangani perubahan iklim dan meningkatkan perlindungan alam sekitar di ASEAN.

Impak kepada ASEAN dan Malaysia

Taksonomi ASEAN telah menarik minat masyarakat antarabangsa bukan sahaja sebagai taksonomi peralihan serantau yang pertama diterbitkan pada peringkat global bahkan turut memberi penekanan terhadap aspek peralihan seperti penamatan penggunaan arang batu secara berperingkat. Taksonomi tersebut juga memberikan isyarat penting mengenai komitmen kolektif rantau ini ke arah ASEAN yang mampan serta menyediakan contoh rangka kerja berstruktur yang inklusif dan diyakini mengenai aktiviti mampan yang akan membantu mewujudkan keseragaman keberhasilan iklim merentasi AMS. Seterusnya, Taksonomi ASEAN dapat menjadi antara faktor penting untuk menarik pelaburan antarabangsa dan aliran dana bagi pelaksanaan projek mampan di rantau ini.

Di Malaysia, BNM dan SC telah bekerjasama rapat untuk memastikan Taksonomi ASEAN sejajar dengan Taksonomi Berasaskan Perubahan Iklim dan Prinsip (CCPT) yang dibangunkan oleh BNM serta Taksonomi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang dibangunkan oleh SC. Pelaksanaan CCPT dan SRI dalam sistem kewangan Malaysia serta pemakaian Taksonomi ASEAN akan meningkatkan aliran masuk pelaburan dan dana asing ke dalam negara.

Melangkah ke Hadapan

Libat urus Taksonomi ASEAN Versi 2 sedang diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor tenaga yang akan dimuktamadkan pada awal 2024. Taksonomi ASEAN merupakan dokumen yang sentiasa dikemas kini berdasarkan kepada perkembangan teknologi, saintifik dan pembangunan ekonomi terkini. Selaras dengan pendekatan ini, TSC bagi lima lagi sektor tumpuan dan dua sektor pemangkin sedang dibangunkan dan akan diperkenalkan secara berperingkat.

Kesimpulan

Taksonomi ASEAN mencerminkan komitmen dan dedikasi secara kolektif AMS dalam peralihan ke arah rantau yang mampan. Taksonomi ini direka bentuk untuk menjadi rangka kerja berstruktur yang inklusif dan diyakini mengenai aktiviti mampan dan akan menjadi antara pemacu perubahan untuk meningkatkan lagi aliran masuk pelaburan dan dana bagi projek mampan ke rantau ini.

Rangka kerja ini direka bentuk dengan ciri-ciri yang diyakini dan berasaskan sains, serta inklusif untuk memenuhi keperluan pelbagai peringkat pembangunan negara anggota. Taksonomi hijau serantau yang sejajar dengan penanda aras antarabangsa akan memanfaatkan penggubal dasar, pihak berkepentingan, pasaran kewangan dan pelabur antarabangsa dalam membuat keputusan pembiayaan yang mampan. Taksonomi ini menunjukkan komitmen ASEAN terhadap agenda kemampuan bagi memastikan hala tuju masa hadapan yang lebih hijau dan berdaya tahan disokong oleh rangka kerja kukuh serta boleh diakses oleh semua negara anggota.

Ekonomi Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Pemulihan industri pelancongan merancakkan semula pertumbuhan sektor

Sektor **perkhidmatan** meningkat sebanyak 6% pada separuh pertama 2023 terutamanya disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; serta makanan & minuman dan penginapan. Walau bagaimanapun, subsektor kewangan dan insurans menyusut dalam tempoh tersebut. Sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.1% pada separuh kedua 2023 dipacu oleh subsektor berkaitan pelancongan dan perjalanan berikutan peningkatan ketibaan pelancong dan perbelanjaan pengguna. Secara keseluruhan, sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.5% pada 2023 dengan hampir kesemua subsektor mencatat pertumbuhan positif kecuali subsektor kewangan dan insurans.

JADUAL 2.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2022 – 2024 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2023 ¹	2022	2023 ¹	2024 ²
Perkhidmatan	59.3	10.9	5.5	5.6
Pembuatan	23.5	8.1	1.4	4.2
Pertanian	6.3	0.1	0.6	1.2
Perlombongan	6.1	2.6	-0.8	2.7
Pembinaan	3.6	5.0	6.3	6.8
KDNK	100.0	8.7	~ 4.0³	4.0 – 5.0

¹ Anggaran

² Unjuran

³ Sekitar

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang sebanyak 7% pada separuh pertama 2023 dengan prestasi kukuh terutamanya dalam segmen perdagangan runcit dan kenderaan bermotor. Pertumbuhan subsektor ini didorong oleh segmen perdagangan runcit yang dipacu oleh

JADUAL 2.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2022 – 2024 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2023 ¹	2022	2023 ¹	2024 ²
Perdagangan borong dan runcit	30.1	13.5	5.8	5.6
Kewangan dan insurans	11.3	0.8	-1.3	4.3
Maklumat dan komunikasi	11.2	5.2	5.0	6.5
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.5	22.7	7.3	5.4
Pengangkutan dan penyimpanan	6.9	30.8	14.5	7.4
Makanan & minuman dan penginapan	5.2	33.0	10.4	7.9
Utiliti	4.5	3.4	3.3	5.3
Perkhidmatan lain	7.7	9.3	6.4	5.0
Perkhidmatan kerajaan	15.6	5.0	4.9	4.7
Perkhidmatan	100.0	10.9	5.5	5.6

¹ Anggaran


² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

perbelanjaan pengguna lebih tinggi di kedai bukan pengkhususan. Segmen kenderaan bermotor juga mendapat manfaat daripada peningkatan dalam jumlah pengeluaran industri (TIV) berikutan penghantaran tertunggak bagi tempahan yang dibuat semasa tempoh pengecualian cukai jualan pada 2022 dan pelancaran model baharu. Segmen perdagangan borong pula menyederhana selari dengan pemulihan dalam rantai bekalan global. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.8% pada separuh kedua 2023 disumbangkan oleh peningkatan dalam semua segmen terutamanya perdagangan runcit yang didorong oleh perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi, Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan serta insentif kredit e-dompot untuk kumpulan sasar. Segmen kenderaan bermotor juga dijangka berkembang berikutan tempahan yang kekal tinggi sepanjang tahun selari dengan semakan semula TIV bagi penjualan kenderaan daripada 650,000 kepada 725,000 unit pada 2023. Justeru, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan signifikan sebanyak 5.8% pada 2023.

RAJAH 2.2. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang sebanyak 15.2% pada separuh pertama 2023 disumbangkan oleh peningkatan trafik penumpang khususnya bagi segmen pengangkutan darat dan udara serta aktiviti sokongan yang berkaitan dengan operasi lapangan terbang dan lebuhraya. Pertumbuhan segmen pengangkutan darat dan udara terutamanya didorong oleh aktiviti berkaitan pelancongan yang kukuh dengan peningkatan jumlah trafik di lebuhraya bertol sebanyak 7% kepada 456 juta kenderaan dan di lapangan terbang sebanyak 90.7% kepada 40.4 juta penumpang. Pada separuh kedua 2023, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 13.7% disokong oleh segmen pengangkutan darat khususnya jalan raya dan rel berikutan pilihan raya negeri, musim perayaan dan cuti sekolah. Prestasi kargo udara dijangka menyederhana disebabkan oleh perdagangan global yang perlahan diimbangi oleh peningkatan trafik penumpang udara yang signifikan seiring dengan penambahan bilangan penerbangan ke beberapa laluan utama dan baharu seperti Istanbul, Okinawa dan Tashkent. Walaupun segmen pengangkutan air diunjur berkembang pada kadar yang lebih perlahan, namun segmen ini kekal sebagai penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan subsektor ini. Secara keseluruhan, subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka meningkat sebanyak 14.5% pada 2023.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 10.4% pada 2023 disumbangkan oleh pengembangan dalam semua segmen. Pada separuh pertama 2023, subsektor ini meningkat sebanyak 10.7% disokong oleh kadar penginapan hotel dan bilangan pelanggan di restoran yang tinggi terutamanya didorong oleh peningkatan ketibaan pelancong kepada 9.2 juta. Seterusnya, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 10.1% pada separuh kedua 2023 berikutan aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak. Prospek yang menggalakkan ini sejajar dengan semakan semula unjuran ketibaan pelancong sebanyak 18.6 juta pada 2023 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Semakan semula unjuran ini selari dengan laporan Global Muslim Travel Index 2023 yang

megekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelancong Muslim untuk lima tahun berturut-turut.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 9.8% pada separuh pertama 2023 disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan profesional terutamanya dalam aktiviti berkaitan kejuruteraan, perakaunan dan seni bina serta peningkatan aktiviti ejen hartanah dan broker. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5% pada separuh kedua 2023 didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan profesional disumbangkan oleh kerancakan aktiviti berkaitan pembinaan dan perkhidmatan perunding oleh pelbagai industri. Segmen hartanah juga dijangka memacu pertumbuhan subsektor ini melalui pelbagai inisiatif Kerajaan terutamanya untuk kumpulan isi rumah berpendapatan B40 dan M40. Inisiatif tersebut termasuk pengenalan kepada penyewaan dan pemilikan rumah mampu milik di bawah skim Kejuruteraan MADANI, penerusan pengecualian duti setem 100% untuk pemilik rumah pertama bagi pembelian harta tanah bernilai sehingga RM500,000, serta peningkatan jaminan pembiayaan sehingga 120% bagi rumah yang berharga sehingga RM300,000 di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad. Justeru, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 7.3% pada 2023.

Subsektor maklumat dan komunikasi meningkat sebanyak 3.7% pada separuh pertama dan dijangka berkembang sebanyak 6.2% pada separuh kedua 2023 berikutan penawaran pakej yang menarik dan berpatutan berserta peranti untuk sambungan internet berkelajuan tinggi seperti Pakej 5G RAHMAH dan Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam. Pakej tersebut yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi utama akan meningkatkan lagi kadar langganan internet. Sehubungan itu, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 5% pada 2023. Sementara itu, subsektor utiliti mencatat pertumbuhan sebanyak 2.3% pada separuh pertama dan dijangka terus berkembang sebanyak 4.3% pada separuh kedua 2023. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 3.3% pada 2023 disokong oleh peningkatan

penggunaan elektrik oleh segmen komersial dan kediaman sejajar dengan cuaca panas berikutan fenomena El Niño.

Pada separuh pertama 2023, subsektor kewangan dan insurans menyusut sebanyak 1.3% disebabkan oleh pertumbuhan kredit yang perlahan dalam segmen perbankan dan peningkatan ketara dalam tuntutan terutamanya daripada pemegang polisi insurans hayat. Pada separuh kedua 2023, subsektor ini dijangka terus menunjukkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.2% berikutan lonjakan bayaran tuntutan perubatan dalam segmen insurans. Lonjakan ini akan memberikan tekanan kepada keseluruhan prestasi subsektor dengan penguncupan sebanyak 1.3% pada 2023.

Subsektor perkhidmatan lain berkembang sebanyak 6.8% pada separuh pertama 2023 disumbangkan oleh aktiviti hiburan dan rekreasi selari dengan peningkatan momentum dalam pelancongan domestik. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 6% pada separuh kedua 2023 didorong oleh permintaan kukuh untuk pendidikan swasta serta perkhidmatan kesihatan susulan usaha berterusan bagi menggalakkan pelancongan kesihatan. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 6.4% pada 2023. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% pada separuh pertama 2023 disumbangkan oleh Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas sebanyak RM100 untuk penjawat awam. Subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 4.5% pada separuh kedua dan 4.9% pada 2023.


Sektor Pembuatan

Pertumbuhan didorong oleh industri berorientasikan domestik

Sektor **pembuatan** berkembang sebanyak 1.7% pada separuh pertama 2023 disokong oleh industri berorientasikan domestik yang berdaya tahan dalam keadaan permintaan luar yang lemah. Pertumbuhan industri berorientasikan domestik yang stabil sebanyak 4.4% didorong oleh peningkatan permintaan untuk segmen barangan pengguna dan berkaitan pembinaan. Sementara itu, industri berorientasikan eksport meningkat secara marginal sebanyak 0.5% disebabkan oleh pengeluaran E&E yang lebih rendah berikutan penurunan kitaran industri semikonduktor global.

Sektor ini diunjur meningkat sebanyak 1.2% pada separuh kedua 2023 dengan industri berorientasikan domestik kekal memacu pertumbuhan. Semua segmen dijangka berkembang terutamanya makanan dan minuman serta peralatan pengangkutan. Segmen tersebut akan mendapat manfaat daripada pengukuhan aktiviti pelancongan dan peningkatan permintaan kenderaan penumpang serta alat ganti dan aksesori motor yang berkaitan. Di samping itu, penyegeraan dan realisasi projek dalam sektor pembinaan akan meningkatkan permintaan untuk segmen berkaitan logam. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E dijangka beralih kepada trend kitaran menaik sejajar dengan peningkatan secara berperingkat dalam permintaan global terutamanya bagi peranti pengkomputeran, elektronik dan semikonduktor. Peningkatan dalam segmen E&E turut disokong oleh permintaan domestik yang semakin meningkat untuk produk elektronik perindustrian, kenderaan elektrik (EV) dan peranti teknologi perubatan. Tambahan pula, permintaan untuk segmen bahan kimia dijangka meningkat sejajar dengan kitaran E&E yang semakin pulih. Justeru, sektor pembuatan dianggar mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.4% pada 2023.

RAJAH 2.3. *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.3. Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Januari - Julai 2022 dan 2023 (2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023	2022	2023
Industri berorientasikan eksport	137.9	137.9	7.0	0.0	68.9	67.9
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	88.6	93.4	-4.5	5.5	3.6	3.7
Pembuatan tekstil	118.2	113.7	6.0	-3.8	0.7	0.7
Pembuatan pakaian	116.4	123.2	5.7	5.8	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	122.5	114.6	13.7	-6.5	1.9	1.8
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	116.8	118.1	4.6	1.1	11.9	11.9
Pembuatan kimia dan produk kimia	122.4	127.7	5.1	4.3	8.5	8.7
Pembuatan produk getah	196.1	177.2	-21.3	-9.6	4.7	4.2
Pembuatan produk plastik	131.5	124.3	5.2	-5.5	3.2	3.0
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	164.7	165.7	17.7	0.6	24.9	24.7
Pembuatan kelengkapan elektrik	147.0	147.3	12.6	0.2	3.5	3.5
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.	146.2	147.4	5.9	0.8	3.4	3.4
Pembuatan perabot	136.9	125.0	14.5	-8.7	1.6	1.4
Industri berorientasikan domestik	127.4	133.3	12.9	4.6	31.1	32.1
Pembuatan produk prosesan makanan	156.7	163.2	9.8	4.1	6.3	6.4
Pembuatan minuman	131.6	132.3	19.0	0.5	0.9	0.9
Pembuatan produk tembakau	109.0	128.2	31.9	17.6	0.6	0.7
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	145.9	158.2	18.7	8.5	0.2	0.3
Pembuatan kertas dan produk kertas	137.6	142.1	9.4	3.3	1.7	1.8
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	119.0	125.6	7.0	5.5	1.2	1.3
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	162.5	165.6	7.6	1.9	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	109.0	112.5	11.9	3.2	3.5	3.6
Pembuatan logam asas	118.5	122.1	10.5	3.1	3.0	3.1
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	111.5	118.3	8.0	6.2	4.6	4.8
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	145.1	153.5	27.2	5.8	5.0	5.2
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	97.8	101.3	7.8	3.6	1.3	1.3
Pembuatan lain	116.7	119.8	13.4	2.6	0.9	1.0
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	129.8	136.8	11.5	5.4	1.1	1.1
Pembuatan	134.4	136.3	8.8	1.4	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Pertanian

Diunjur berkembang secara marginal

Sektor **pertanian** merosot sebanyak 0.1% pada separuh pertama 2023 disebabkan oleh prestasi yang kurang memberangsangkan dalam semua subsektor kecuali pertanian lain. Subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian merekodkan penyusutan dalam tempoh tersebut berikutan pengeluaran MSM yang lebih rendah dari Semenanjung Malaysia. Pengeluaran ini terjejas susulan pengurangan aktiviti pembajaan pada tahun lepas, tempoh bekerja yang lebih singkat berikutan musim perayaan yang berturutan dan keadaan cuaca panas. Sementara itu, pengeluaran getah asli yang rendah telah menyebabkan subsektor getah merosot. Pengeluaran segmen kebun kecil menyumbang sekitar 86% daripada jumlah pengeluaran getah telah menyusut sebanyak 9% manakala output segmen estet menguncup sebanyak 2.7%. Subsektor lain turut mencatat pertumbuhan negatif dalam tempoh tersebut sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu.

JADUAL 2.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 2022 – 2024
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2023 ²	2022	2023 ²	2024 ³
Kelapa sawit	36.4	3.8	0.4	1.1
Pertanian lain ¹	29.1	-3.2	3.4	3.5
Ternakan	16.7	0.1	0.7	1.2
Perikanan	11.4	2.5	-1.9	-1.2
Perhutanan dan pembalakan	4.8	-3.6	-5.5	-6.8
Getah	1.6	-19.7	-10.1	0.6
Pertanian	100.0	0.1	0.6	1.2

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pada separuh kedua 2023, sektor ini diunjur berkembang sebanyak 1.1% terutamanya disokong oleh subsektor kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan. Subsektor kelapa sawit dijangka meningkat disumbangkan oleh pengeluaran buah tandan segar yang lebih tinggi berikutan musim puncak penuaian dan penawaran buruh yang semakin pulih. Subsektor pertanian lain dan ternakan dianggar merekodkan pertumbuhan positif didorong oleh peningkatan pengeluaran susulan permintaan pasaran domestik yang terus berkembang. Secara keseluruhan, sektor pertanian diunjur meningkat secara marginal sebanyak 0.6% pada 2023.

Sektor Perlombongan

Prospek pertumbuhan yang lemah

Sektor **perlombongan** kembali pulih dan mencatat pertumbuhan sebanyak 0.1% pada separuh pertama 2023. Perkembangan ini disokong oleh prestasi yang bertambah baik dalam subsektor minyak mentah dan kondensat serta perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan. Subsektor gas asli pula menyusut akibat gangguan operasi di Semenanjung Malaysia dan penutupan loji di Sarawak. Prestasi sektor perlombongan pada separuh kedua 2023 dijangka merosot sebanyak 1.7% berikutan pengeluaran minyak mentah dan kondensat serta gas asli yang lebih rendah. Pengurangan output ini disebabkan oleh penutupan loji bagi tujuan penyelenggaraan di beberapa medan minyak dan gas serta permintaan luar bagi gas asli cecair (LNG) yang lebih rendah selari dengan persekitaran global yang mencabar. Justeru, pertumbuhan sektor perlombongan diunjur menguncup sebanyak 0.8% pada 2023.

Dari perspektif harga, minyak mentah Brent diunjur berpurata sekitar USD80 setong pada 2023 sebahagiannya disebabkan oleh kelembapan permintaan susulan pemulihan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan dan pertumbuhan global yang sederhana. Walau bagaimanapun, pengurusan pasaran minyak yang proaktif oleh OPEC+ serta pelaburan berterusan dalam sektor minyak dijangka memberikan sokongan kepada harga.

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan teguh merentas sektor

Sektor **pembinaan** mengukuh sebanyak 6.8% pada separuh pertama 2023 terutamanya didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan khas. Subsektor kejuruteraan awam kembali pulih disokong oleh penyegeraan projek infrastruktur dan utiliti yang sedang dalam pembinaan termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Projek Solar Berskala Besar 4. Subsektor bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman turut mencatat pertumbuhan positif sejajar dengan aktiviti ekonomi yang rancak.

Sektor ini diunjur berkembang sebanyak 5.9% pada separuh kedua 2023 disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor. Subsektor bangunan kediaman kekal memberangsangkan hasil daripada inisiatif Kerajaan seperti i-MILIKI dan Skim Jaminan Kredit Perumahan dalam membantu pembeli rumah pertama sekali gus memacu permintaan bagi pemilikan rumah. Tambahan pula, subsektor bangunan bukan kediaman dijangka meningkat khususnya apabila pelaburan swasta yang diluluskan dapat direalisasikan. Kesenambungan pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti strategik akan terus menyokong subsektor kejuruteraan awam. Pada 2023, prestasi sektor pembinaan dijangka kekal stabil dan berkembang sebanyak 6.3%.

Permintaan Domestik

Aktiviti domestik kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan dalam ketidaktentuan persekitaran luar yang semakin meningkat. Pada separuh pertama 2023, permintaan domestik mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% disumbangkan oleh perbelanjaan swasta dan awam yang kukuh. Permintaan domestik

dijangka berkembang sebanyak 4.9% bagi 2023 seterusnya menyumbang 4.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Perbelanjaan sektor swasta dan awam dijangka berkembang sebanyak 5.3% dan 2.8% pada 2023 didorong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan.

JADUAL 2.5. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2022 – 2024 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2023 ²	2022	2023 ²	2024 ³
Permintaan domestik	94.0	9.2	4.9	5.3
Perbelanjaan swasta	76.6	10.3	5.3	5.6
Penggunaan	61.2	11.2	5.6	5.7
Pelaburan	15.4	7.2	4.3	5.4
Perbelanjaan awam	17.4	4.7	2.8	4.1
Penggunaan	12.9	4.5	1.0	2.6
Pelaburan	4.6	5.3	8.2	8.3
Sektor luar¹	5.3	-1.0	1.1	5.5
Eksport	67.3	14.5	-6.2	4.1
Import	62.0	15.9	-6.8	3.9
KDNK	100.0	8.7	~ 4.0⁴	4.0 – 5.0

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

⁴ Sekitar

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta yang merekodkan pertumbuhan sebanyak 5.1% pada separuh pertama 2023 dijangka berkembang sebanyak 5.6% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan yang lebih rendah berbanding 2022 disebabkan oleh kesan tertanggung kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR), pengurangan impak pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pendapatan sektor korporat yang lebih rendah dalam industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, perbelanjaan swasta dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh penambahbaikan pasaran buruh yang berterusan, tekanan inflasi yang mereda dan pemberian bantuan tunai oleh Kerajaan. Bantuan tunai ini merangkumi Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara

Kerajaan serta kredit e-tunai untuk belia, pelajar dan rakyat berpendapatan tahunan RM100,000 ke bawah. Trend gaya hidup digital yang semakin popular seiring dengan peningkatan pendapatan e-dagang dan pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah turut dijangka memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Pelaburan swasta yang berkembang sebanyak 4.9% pada separuh pertama diunjur meningkat sebanyak 4.3% pada 2023 terutamanya disokong oleh projek baharu dan sedia ada seperti pembinaan kemudahan pusat data, bangunan komersial dan perindustrian serta pelaksanaan langkah Belanjawan 2023. Di samping itu, dasar baharu berpandukan kerangka Ekonomi MADANI termasuk NETR dan NIMP 2030 dijangka merencanakan aktiviti pelaburan dalam memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Tambahan pula, pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dijangka memberikan kesan limpahan positif kepada pelaburan swasta dalam jangka masa terdekat.


Penggunaan awam mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.8% pada separuh pertama 2023 dan dijangka berkembang sebanyak 1% pada 2023 disokong oleh perbelanjaan emolumen yang berterusan. Pertumbuhan ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk merasionalisasikan dan mengoptimumkan perbelanjaan di samping meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan juga terus memperkukuh nilai untuk wang menerusi perbelanjaan berhemat dalam perolehan bekalan dan perkhidmatan.

Pelaburan awam mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% pada separuh pertama 2023 terutamanya didorong oleh perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, pelaburan awam dianggar berkembang sebanyak 8.2% pada

2023 disokong oleh perbelanjaan modal syarikat awam dan penyegeraan perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan modal dalam segmen pengangkutan diunjur terus meningkatkan kapasiti operasi serta menambah baik kualiti perkhidmatan segmen ini termasuk perbelanjaan bagi Lebuhraya Pan Borneo dan ECRL.

Pertumbuhan PNK pada harga semasa dijangka sebanyak 4.1% pada 2023 sejajar dengan prestasi ekonomi yang menyederhana. Sementara itu, tabungan negara kasar (TNK) diunjur menyumbang sebanyak 25.4% daripada PNK manakala jumlah pelaburan sebanyak 22%. **Jurang tabungan-pelaburan** dianggar mencatat lebih sebanyak RM62 bilion atau 3.4% daripada PNK seterusnya menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik.

RAJAH 2.4. Jurang Tabungan – Pelaburan (% daripada PNK)



¹ Anggaran
² Unjuran
³ Termasuk perubahan dalam stok
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RENCANA 2.1

Ekonomi Dipacu Pelaburan Demi Pertumbuhan Mampan di Malaysia

Pengenalan

Pembentukan modal tetap kasar¹ (PMTK) atau lebih dikenali sebagai pelaburan merupakan satu daripada faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Purata pertumbuhan KDNK benar direkod sebanyak 9.2% dan bahagian PMTK kepada KDNK dicatatkan sekitar 40% dalam tempoh 1991 hingga 1997. Walau bagaimanapun, trajektori pertumbuhan Malaysia mula perlahan selepas Krisis Kewangan Asia (AFC) pada 1997 – 1998. Dalam tempoh 1998 hingga 2022, purata pertumbuhan KDNK benar dicatatkan sebanyak 4.3% dengan bahagian PMTK kepada KDNK yang lebih rendah sekitar 23%. Bagi merencanakan semula ekonomi, Kerajaan telah memperkenalkan kerangka Ekonomi MADANI pada Julai 2023 yang menggariskan antara lain usaha menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dengan matlamat untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam hal ini, perhatian akan diberikan kepada trend ekonomi dan pelaburan di Malaysia serta dasar bagi menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi yang akan memacu pertumbuhan mampan negara.


Trend Ekonomi dan Pelaburan di Malaysia

Malaysia berjaya melalui transformasi struktural dan beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada ekonomi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pembangunan ekonomi negara disokong oleh beberapa dasar pembangunan jangka masa panjang terutamanya Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990) dan Wawasan 2020 (1991 – 2020). Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi Malaysia terjejas akibat beberapa krisis ekonomi global. Ekonomi negara menguncup sebanyak 7.4% pada 1998 berikutan AFC. Pada 2020, ekonomi global terjejas disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini. Pengenaan kawalan pergerakan di seluruh dunia termasuk Malaysia bagi membendung pandemik ini telah memperlambatkan aktiviti ekonomi dan perdagangan pada peringkat global seterusnya mengakibatkan ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 5.5% pada 2020.

Kerajaan terus memberikan keutamaan kepada usaha untuk melindungi nyawa, memulihkan mata pencarian dan membina semula perniagaan pascapandemik. Ekonomi negara telah pulih secara beransur-ansur dengan KDNK benar meningkat sebanyak 3.3% pada 2021 dan terus berkembang sebanyak 8.7% pada 2022. Pertumbuhan ini merupakan kadar terpuas pernah direkodkan sejak 2000 terutamanya disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh sebanyak 11.2% yang melebihi purata pertumbuhan sebanyak 7.5% dalam tempoh 1991 hingga 1997. Bahagian penggunaan swasta kepada KDNK juga meningkat kepada 60.2% pada 2022 berbanding purata 48.3% dalam tempoh yang sama seperti dalam Rajah 2.1.1. Prestasi ini menggambarkan kebergantungan ekonomi kepada pertumbuhan yang dipacu penggunaan swasta. Sebaliknya, kadar pertumbuhan PMTK telah menyederhana kepada 6.8% pada 2022 berbanding purata 15.4% dalam tempoh 1991 hingga 1997. Bahagian PMTK kepada KDNK juga lebih rendah sekitar 20% pada 2022 berbanding purata 40.2% dalam tempoh yang sama.

¹ Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) juga dikenali sebagai pelaburan dalam aset tetap yang digunakan berulang kali dalam proses pengeluaran bagi tempoh lebih daripada setahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

RAJAH 2.1.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar, Pembentukan Modal Tetap Kasar dan Penggunaan Swasta di Malaysia pada Harga Malar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan World Development Indicators

Sebelum AFC, peningkatan ketara dalam bahagian pelaburan kepada KDNK serta prestasi eksport yang lebih tinggi terutamanya produk E&E telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh. Peningkatan ini selaras dengan dasar Kerajaan yang menyokong infrastruktur dan insentif bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) serta mempergiat perindustrian (Yusuf dan Nabeshima, 2009). Pelbagai langkah telah diperkenalkan bagi menggalakkan pengeluaran domestik menceburi pasaran eksport. Selain itu, zon perdagangan bebas telah diwujudkan bagi menarik pelaburan asing dan menggalakkan industri berintensif eksport (Khalafalla dan Webb, 2001).

Eksport E&E menyumbang sebanyak 57.6% daripada jumlah eksport kasar pada 1999 seperti dalam Rajah 2.1.2. Walau bagaimanapun, sejak 2000, kemerosotan industri elektronik global dan peningkatan ekonomi China telah mencetuskan perubahan dalam komponen eksport pembuatan Malaysia (Abidin dan Loke, 2008). Di samping itu, negara juga menghadapi cabaran dalam menarik FDI berikutan peningkatan persaingan daripada negara jiran yang menawarkan kos buruh yang lebih rendah. Akibatnya, bahagian eksport produk E&E Malaysia berkurang kepada 38.3% daripada jumlah eksport kasar pada 2022.

Eksport produk bukan E&E menunjukkan trend peningkatan dan merekodkan bahagian sebanyak 46% pada 2022 berbanding 27.1% pada 1999. Trend ini sejajar dengan aktiviti pembuatan hiliran bernilai tambah tinggi khususnya produk petroleum; serta kimia dan produk kimia. Namun demikian, sebagai ekonomi terbuka, kemerosotan permintaan luar telah menjejaskan ekonomi Malaysia yang mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.9% pada suku kedua 2023 berbanding 5.6% pada suku sebelumnya terutamanya disebabkan oleh eksport produk bukan E&E yang lebih rendah. Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu mempergiat pelaburan dalam aktiviti pembuatan bernilai tambah tinggi dan mempelbagaikan produk eksport negara disokong oleh hubungan kerjasama perdagangan antarabangsa yang lebih baik bagi memperluas peluang pasaran.


RAJAH 2.1.2. Eksport Kasar Malaysia (% bahagian)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Dari segi PMTK mengikut jenis aset, sumbangan pelaburan dalam struktur² kekal signifikan meskipun menunjukkan trend penurunan sejak 2015, manakala pelaburan dalam jentera dan peralatan³ (M&E) menunjukkan trend peningkatan seperti dalam Rajah 2.1.3. Pelaburan dalam M&E yang semakin meningkat menggambarkan penerimgunaan teknologi baharu dan digitalisasi yang lebih luas dalam proses pengeluaran. Trend peningkatan ini selari dengan pemberian geran dan insentif Kerajaan untuk menggalakkan penerimgunaan automasi, teknologi Industri 4.0 serta digitalisasi dalam kalangan perniagaan.

RAJAH 2.1.3. Pembentukan Modal Tetap Kasar mengikut Jenis Aset di Malaysia pada Harga Malar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


² Pelaburan dalam struktur terdiri daripada bangunan kediaman; bangunan bukan kediaman; pembinaan lain; dan struktur platform bagi aktiviti minyak dan gas.

³ Pelaburan dalam jentera dan peralatan terdiri daripada peralatan pengangkutan; lain-lain jentera & peralatan; peralatan ICT; dan perisian komputer & pangkalan data.

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kemerosotan dalam PMTK di Malaysia pada 2020 dan 2021. Walaupun pelaburan kembali mencatat peningkatan pada 2022, namun masih belum mencapai paras prapandemik. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan digitalisasi bagi memastikan kesinambungan aktiviti ekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan telah melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia pada 2021 yang menggariskan strategi untuk mentransformasikan negara ke arah ekonomi yang dipacu oleh digital menjelang 2030. Menurut laporan mengenai Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan, sebanyak 93.8% pertubuhan menggunakan komputer dan peranti elektronik pada 2021 berbanding 86.2% pada 2019. Sementara itu, penggunaan internet meningkat kepada 90.6% berbanding 85.2% pada 2019. Pendapatan melalui transaksi e-dagang di Malaysia turut meningkat sebanyak 23.9% kepada RM1,037.2 bilion berbanding RM675.4 bilion pada 2019 terutamanya disumbangkan oleh sektor pembuatan sebanyak RM553.8 bilion dan sektor perkhidmatan sebanyak RM473 bilion.

Pelaburan swasta yang tertumpu dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan memainkan peranan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bahagian pelaburan swasta kepada PMTK meningkat kepada sekitar 78% pada 2022 berbanding 65.1% pada 2015 seperti dalam Rajah 2.1.4 yang mencerminkan pelaburan negara diterajui oleh sektor swasta. Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan lagi pelaburan swasta termasuk melancarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) pada April 2021 sebagai asas pembaharuan menyeluruh dasar pelaburan. Tiga objektif utama NIA adalah untuk memangkin pelaburan bagi meningkatkan pemulihan ekonomi Malaysia pascapandemik; memastikan kedudukan Malaysia pada peringkat global dalam era pasca-COVID; dan merealisasikan janji pembangunan inklusif. Di samping itu, Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang dilancarkan pada Oktober 2022 bertujuan mengukuhkan asas bagi Malaysia membangunkan ekosistem pertumbuhan bernilai tinggi baharu dan sedia ada serta memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi yang berdaya saing.


RAJAH 2.1.4. Pembentukan Modal Tetap Kasar mengikut Sektor di Malaysia pada Harga Malar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan langsung domestik (DDI) merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM1,263.8 bilion atau 69.6% bagi tempoh 2012 hingga 2020 seperti dalam Rajah 2.1.5. Dalam tempoh pascapandemik, FDI pula menjadi pemacu utama kepada jumlah pelaburan yang diluluskan. Namun begitu, Kerajaan kekal komited untuk menggalakkan DDI dengan menyediakan ekosistem perindustrian domestik yang kukuh dan mengintegrasikan syarikat tempatan dalam rantai bekalan dengan syarikat multinasional. Kerajaan juga terus menyediakan pembiayaan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mengguna pakai teknologi Industri 4.0. Di samping itu, Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan supaya semua badan berkanun persekutuan dan syarikat subsidiari mengutamakan pelaburan domestik bagi merencanakan pasaran ekuiti tempatan dan mengukuhkan nilai ringgit. Tambahan pula, kerangka Ekonomi MADANI memberi penekanan kepada kerjasama dan penglibatan strategik oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan untuk memacu pelaburan domestik dan menyokong pembangunan vendor tempatan.

RAJAH 2.1.5. Pelaburan Diluluskan di Malaysia



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Walaupun pemulihan ekonomi masih berterusan dalam tempoh pascapandemik, namun beberapa cabaran masih dihadapi dalam mengimbangi antara penggunaan swasta dengan pelaburan yang memerlukan pembaharuan dalam tumpuan ke atas dasar berkaitan pelaburan. Kebergantungan secara berlebihan kepada penggunaan swasta bagi memacu pertumbuhan ekonomi adalah tidak mampan terutamanya apabila didorong oleh suntikan fiskal dan simpanan isi rumah. Analisis empirikal oleh Fukuda dan Watanabe (2012) yang melibatkan 40 negara mendapati komponen penggunaan adalah pemacu utama pertumbuhan ekonomi di negara membangun. Sementara itu, ekonomi negara maju bergantung kepada pelaburan untuk meningkatkan pertumbuhan. Justeru, Malaysia perlu mengutamakan pelaburan dalam teknologi inovatif dan termaju untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Oleh itu, pemulihan pelaburan swasta dan FDI penting untuk mempertingkatkan produktiviti seterusnya membebaskan negara daripada perangkap pendapatan sederhana (Menon, 2012). Pandangan ini selaras dengan hasil kajian oleh Lean dan Tan (2011) yang mendapati FDI mempunyai hubungan yang positif dengan pertumbuhan ekonomi. Aliran masuk FDI boleh

menggalakkan penerimgunaan teknologi dan meningkatkan kapasiti pengeluaran sektor ekonomi melalui pewujudan rantaian bekalan dengan firma tempatan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) seterusnya meningkatkan pelaburan domestik dan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan anggaran oleh Kementerian Kewangan Malaysia menggunakan *Structural Vector Error Correction Model*, pelaburan swasta merupakan komponen penting untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa pendek. Oleh itu, Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal yang responsif dan dasar monetari yang akomodatif untuk meningkatkan pelaburan swasta. Sementara itu, Kerajaan memberikan tumpuan terhadap strategi pembaharuan struktural dalam jangka masa panjang untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi termasuk menggalakkan industri dengan nilai pertumbuhan tinggi; meningkatkan kemajuan teknologi melalui inovasi; mempercepat digitalisasi; dan mempersiapkan guna tenaga untuk masa hadapan. Strategi tersebut akan terus menggalakkan pelaburan swasta yang mampan untuk masa akan datang.

Dasar Kerajaan untuk Menarik Pelaburan Lebih Tinggi demi Pertumbuhan Mampan

Melangkah ke hadapan, kerangka Ekonomi MADANI akan menjadi asas dalam merencanakan semula ekonomi bagi memastikan kekayaan terkumpul negara dapat dinikmati secara adil dan saksama oleh rakyat. Usaha akan dipergiat bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing di peringkat global termasuk mengukuhkan promosi pelaburan dan meningkatkan langkah insentif untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi. Di samping itu, infrastruktur sedia ada akan dinaik taraf dan modal insan akan dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelabur. Terkini, beberapa dasar Kerajaan telah diperkenalkan bagi menyokong kerangka ini seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

Dokumen NETR akan menggalakkan pelaburan dalam enam bidang peralihan tenaga termasuk kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu, hidrogen, biotenaga, mobiliti hijau serta penangkapan karbon, penggunaan dan penyimpanan (CCUS). Sehubungan itu, kerjasama semua pihak diperlukan bagi menjayakan inisiatif ini.

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

Dokumen NIMP 2030 merangkumi enam matlamat iaitu meningkatkan kompleksiti ekonomi; mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi; memperluas hubungan domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; memperluas keterangkuman serta mempertingkatkan amalan ESG. Dokumen ini juga mengenal pasti beberapa pemangkin termasuk menggerakkan ekosistem pembiayaan; memupuk pembangunan bakat dan menarik bakat; membangunkan ekosistem pelabur bertaraf dunia bagi memudah cara urusan menjalankan perniagaan serta memperkenalkan kerangka tadbir urus seluruh negara. Bagi mencapai matlamat tersebut, NIMP 2030 memerlukan jumlah pelaburan yang dianggarkan sebanyak RM95 bilion diterajui oleh sektor swasta bagi tempoh tujuh tahun. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan bagi membiayai pelan tindakan NIMP 2030 melalui Dana Pembangunan Perindustrian NIMP dan Dana Pelaburan Bersama Strategik NIMP.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

Dokumen KSP RMKe-12 memperkenalkan 17 Anjakan Besar untuk memperbaharui pembangunan sosioekonomi ke arah mencapai aspirasi kerangka Ekonomi MADANI. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada mempercepat pembangunan industri *high growth high value* (HGHV),

menarik pelaburan berkualiti dalam industri berasaskan teknologi serta meningkatkan penggunaan teknologi dan digitalisasi. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk mempergiat pelaburan hijau dalam operasi perniagaan dan premis. Langkah juga akan diambil untuk mengatasi halangan dalam mengembangkan PMKS, dengan memudahkan integrasi ke dalam rantaian bekalan domestik dan global. Pembaharuan pasaran buruh akan dipercepatkan melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk menghasilkan bakat yang memenuhi keperluan industri dan mengekalkan guna tenaga sedia ada.

Kesimpulan

Perkembangan pesat pelaburan di Malaysia telah menyumbang kepada perubahan struktur ekonomi daripada berasaskan pertanian dan komoditi kepada ekonomi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pasca-AFC, trajektori pertumbuhan negara mula perlahan dengan pelaburan yang lebih rendah. Tanpa pembaharuan yang pantas dan berkesan dalam dasar berkaitan pelaburan, Malaysia masih jauh untuk mencapai aspirasi menjadi 30 ekonomi terbesar. Oleh itu, strategi dan langkah di bawah NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12 berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI akan mendorong pelaburan berkualiti dalam industri bernilai tambah tinggi terutamanya industri peralihan tenaga, digital dan teknologi termaju seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat demi pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pendapatan

Merealisasikan perkongsian pendapatan yang seimbang kekal mencabar

Aktiviti perniagaan dan ekonomi yang rancak telah menyumbang kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan baharu dan peluang pendapatan dalam ekonomi. Justeru, pendapatan buruh meningkat sebanyak 6.5% kepada RM579.7 bilion pada 2022. Walau bagaimanapun, bahagian **pampasan pekerja (PP)** daripada KDNK terus menunjukkan trend penurunan kepada 32.4% berikutan KDNK nominal mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 15.7%. Walaupun negara lain turut menunjukkan trend penurunan dalam bahagian PP, namun penurunan ini menggambarkan bahawa pekerja masih belum menerima manfaat sewajarnya daripada kemajuan ekonomi melalui gaji yang lebih tinggi. Keadaan ini boleh mewujudkan cabaran berterusan dalam mencapai sasaran 40% menjelang 2025. Bahagian PP dijangka kekal 32.4% pada 2023 iaitu meningkat sebanyak 3.5% kepada RM599.9 bilion sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang terus menggalakkan. Peratusan ini terutamanya disumbangkan oleh pendapatan sektor

perkhidmatan (61.7%) dan pembuatan (24.4%) khususnya dalam produk elektrik, elektronik dan optikal serta industri berkaitan pelancongan.

RAJAH 2.5. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2021 - 2024



¹ Anggaran
² Unjuran
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.6. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2020 – 2022*

	PAMPASAN PEKERJA			LEBIHAN KENDALIAN KASAR			CUKAI TOLAK SUBSIDI		
	2020	2021	2022	2020	2021	2022	2020	2021	2022
	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)								
Malaysia	37.4	35.1	32.4	59.9	62.6	67.0	2.7	2.3	0.6
Filipina	34.8	36.7	36.4	58.6	55.7	55.8	6.6	7.6	7.8
Singapura	42.8	37.9	36.6	56.6	57.5	57.7	0.6	4.6	5.8
Republik Korea	48.2	47.2	47.6	41.9	42.4	42.2	9.9	10.3	10.2
Australia	48.3	47.8	45.6	44.5	46.2	45.7	7.1	6.0	8.8
Belanda	50.6	49.1	48.0	41.2	42.0	42.1	8.2	8.9	9.9
United Kingdom	55.9	54.7	52.9	37.3	35.5	35.1	6.8	9.9	12.0
Jerman	54.4	53.2	52.3	37.6	38.9	38.5	8.0	7.9	9.2
Amerika Syarikat	54.5	53.5	53.0	41.4	41.4	40.6	4.1	5.0	6.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, **lebih kendalian kasar (LKK)** terus menjadi komponen utama pendapatan dengan bahagian sebanyak 67% daripada KDNK berikutan peningkatan LKK yang signifikan pada 2022 sebanyak 23.9%. Pemilik modal khususnya dalam sektor perlombongan dan pengkuarian terus mencatat pertumbuhan keuntungan dua digit sebanyak 35.1% disumbangkan oleh peningkatan perniagaan berikutan harga komoditi lebih tinggi. Sebaliknya, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri masih menunjukkan trend penguncupan iaitu 5.3% memandangkan golongan ini masih menghadapi cabaran untuk memperoleh pendapatan yang mencukupi dalam tempoh peralihan kepada fasa endemik. Walau bagaimanapun, pendapatan campuran diunjur meningkat sebanyak 10.4% pada 2023 berikutan aktiviti ekonomi yang rancak dan peningkatan permintaan domestik dijangka menyediakan lebih banyak prospek pekerjaan dan pendapatan bagi golongan bekerja sendiri. Secara keseluruhan, bahagian LKK daripada KDNK dijangka mencatat 64.9% pada 2023 dengan sebahagian besar keuntungan akan dimiliki oleh pemilik modal.

Cukai bersih ke atas pengeluaran dan import semakin berkurang dan hanya menyumbang sebanyak 0.6% daripada

KDNK pada 2022 iaitu sumbangan terendah pernah direkodkan sejak hampir dua dekad disebabkan oleh penguncupan cukai bersih yang besar sebanyak 69.2%. Penguncupan ini berikutan lonjakan dalam perbelanjaan subsidi dan insentif sebanyak 134.4% berbanding pendapatan daripada cukai yang hanya meningkat sebanyak 23.8%. Sebahagian besar perbelanjaan diperuntukkan untuk subsidi bahan api yang bertujuan untuk mengurangkan kenaikan kos produk dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pendapatan daripada cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat pada 2023 berikutan pengurangan perbelanjaan subsidi dan insentif. Sehubungan itu, sumbangan keseluruhan cukai bersih ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat kepada 2.7% daripada KDNK.

Sektor Luar Negeri

Prestasi kurang memberangsangkan menjejaskan prospek

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan dijangka berkurang sebanyak 7.3% kepada RM2,634.9 bilion pada 2023 disebabkan oleh permintaan luar yang lebih perlahan daripada rakan dagang utama

sejajar dengan perdagangan global yang menyederhana. Selain itu, **lebih dagangan** dijangka menyusut sebanyak 12.5% kepada RM224.2 bilion.

Eksport kasar dijangka menguncup sebanyak 7.8% pada 2023 disebabkan oleh kelembapan permintaan luar daripada rakan dagang utama berikutan pemulihan ekonomi yang lebih perlahan daripada jangkaan terutamanya China serta harga komoditi yang menyederhana. Eksport barangan pembuatan dianggar merosot sebanyak 5.3% disebabkan oleh penguncupan eksport produk bukan E&E sebanyak 10.4% yang mengatasi peningkatan marginal dalam eksport produk E&E. Eksport produk bukan E&E seperti produk petroleum dan produk pembuatan berasaskan minyak sawit dijangka menyusut berikutan permintaan luar yang lemah dan harga komoditi yang menyederhana. Sementara itu, pertumbuhan marginal sebanyak 0.8% bagi produk E&E disebabkan oleh permintaan luar yang

menyederhana bagi komponen pembuatan elektronik global berikutan situasi ekonomi yang lemah di AS, China dan EU. Komponen semikonduktor, kelengkapan peralatan telekomunikasi dan peralatan pemrosesan data automatik merupakan penyumbang utama kepada produk E&E.

Eksport barangan pertanian turut dijangka menyusut sebanyak 24.8% disebabkan oleh permintaan yang lemah bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Pendapatan eksport minyak sawit dianggar berkurang sebanyak 30.4% berikutan permintaan yang lebih rendah daripada rakan dagang utama terutamanya Belanda, China, Filipina, India dan Turkiye. Selain itu, eksport barangan perlombongan dijangka merosot sebanyak 18.5% berikutan penurunan permintaan global bagi LNG iaitu sebanyak 21.8% dan petroleum mentah sebanyak 16.2%.

JADUAL 2.7. *Perdagangan Luar Negeri, 2022 – 2024*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2022	2023 ¹	2024 ²	2022	2023 ¹	2024 ²
Jumlah dagangan	2,843,821	2,634,886	2,766,393	27.6	-7.3	5.0
Eksport kasar	1,550,009	1,429,547	1,501,859	24.9	-7.8	5.1
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,304,668	1,235,167	1,303,202	22.1	-5.3	5.5
Pertanian	120,903	90,876	92,405	23.3	-24.8	1.7
Perlombongan	117,346	95,609	98,343	68.2	-18.5	2.9
Import kasar	1,293,811	1,205,339	1,264,533	31.0	-6.8	4.9
<i>antaranya:</i>						
Barangan modal	120,231	113,335	119,079	15.8	-5.7	5.1
Barangan pengantara	706,551	636,558	669,696	29.5	-9.9	5.2
Barangan penggunaan	104,017	96,462	100,388	24.0	-7.3	4.1
Imbangan dagangan	256,198	224,208	237,326	1.0	-12.5	5.9

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.8. Eksport Kasar,
Januari – Ogos 2022 dan 2023

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023	2022	2023
Pembuatan	850,880	800,624	26.4	-5.9	84.0	85.6
Pertanian	81,941	60,810	41.0	-25.8	8.1	6.5
Perlombongan	75,147	68,272	70.7	-9.1	7.4	7.3
Lain-lain ¹	4,514	5,510	49.0	22.1	0.4	0.6
Eksport kasar	1,012,482	935,217	30.0	-7.6	100.0	100.0


¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 2.9. Eksport Barangan Pembuatan,
Januari – Ogos 2022 dan 2023

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023	2022	2023
E&E	380,126	380,685	34.4	0.1	44.7	47.5
Bukan E&E	470,754	419,939	20.5	-10.8	55.3	52.5
Produk petroleum	101,772	96,500	69.7	-5.2	12.0	12.1
Kimia dan produk kimia	53,071	46,965	18.7	-11.5	6.2	5.9
Barangan pembuatan logam	44,803	37,579	24.9	-16.1	5.3	4.7
Jentera, kelengkapan dan peralatan	40,009	36,461	27.6	-8.9	4.7	4.6
Barangan optik dan saintifik	36,196	35,564	22.1	-1.7	4.3	4.4
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	28,941	20,849	45.0	-28.0	3.4	2.6
Produk getah	21,075	13,983	-58.3	-33.6	2.5	1.7
Barangan makanan diproses	18,341	19,067	18.3	4.0	2.2	2.4
Produk besi dan keluli	23,227	20,127	34.0	-13.3	2.7	2.5
Kelengkapan pengangkutan	11,068	11,172	9.7	0.9	1.3	1.4
Tekstil, pakaian dan kasut	11,775	10,548	16.3	-10.4	1.4	1.3
Barangan pembuatan plastik	11,631	10,458	12.5	-10.1	1.4	1.3
Produk kayu	12,689	9,455	22.9	-25.5	1.5	1.2
Produk galian bukan logam	7,850	8,097	15.7	3.1	0.9	1.0
Barang kemas	4,682	4,988	34.1	6.5	0.6	0.6
Produk kertas dan pulpa	6,327	7,238	16.7	14.4	0.7	0.9
Minuman dan tembakau	1,710	2,038	8.6	19.2	0.2	0.3
Produk pembuatan lain	35,588	28,849	29.3	-18.9	4.2	3.6
Eksport barangan pembuatan	850,880	800,624	26.4	-5.9	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 2.6. Rakan Dagang 10 Teratas, Januari - Ogos 2023 (% bahagian)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar dijangka menguncup sebanyak 6.8% pada 2023 berikutan penurunan dalam kategori utama import iaitu barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan yang sebahagiannya disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit. Import barangan pengantara yang merupakan penyumbang tertinggi iaitu 52.8% daripada jumlah

import kasar dijangka merosot sebanyak 9.9% berikutan eksport pembuatan yang perlahan. Barangan modal juga diunjur menyusut sebanyak 5.7% manakala barangan penggunaan sebanyak 7.3%. Barangan modal menyumbang sebanyak 9.4% daripada jumlah import kasar dan barangan penggunaan sebanyak 8%.

JADUAL 2.10. *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2022 dan 2023*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023	2022	2023
Barangan modal	77,275	78,169	15.7	1.2	9.0	10.0
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	68,861	70,586	9.2	2.5	8.0	9.0
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	8,414	7,583	125.7	-9.9	-1.0	1.0
Barangan pengantara	473,467	399,416	35.9	-15.6	55.3	51.1
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	23,529	20,142	33.4	-14.4	2.7	2.6
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	72,698	68,452	129.9	-5.8	8.5	8.8
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	213,359	183,184	20.9	-14.1	24.9	23.4
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	163,881	127,638	33.5	-22.1	19.1	16.3
Barangan penggunaan	67,897	67,021	25.0	-1.3	7.9	8.6
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	29,778	31,031	24.8	4.2	3.5	4.0
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	1,160	999	5.8	-13.9	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	36,959	34,991	25.8	-5.3	4.3	4.5
Barangan tahan lama	9,203	8,881	16.5	-3.5	1.1	1.1
Barangan separa tahan lama	11,443	11,255	36.6	-1.6	1.3	1.4
Barangan tidak tahan lama	16,313	14,854	24.5	-8.9	1.9	1.9
Lain-lain	26,763	27,037	70.8	1.0	3.1	3.5
Eksport semula	210,964	210,650	47.3	-0.1	24.6	26.9
Import kasar	856,366	782,293	36.3	-8.6	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** meningkat kepada RM13.4 bilion atau 1.6% daripada PNK pada separuh pertama 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan manakala akaun barangan terus mencatat lebih walaupun semakin mengecil. Prestasi ini dijangka berterusan pada separuh kedua 2023 dengan lebih akaun semasa diunjur meningkat kepada RM48.6 bilion atau 5.2% daripada PNK. Peningkatan ini disumbangkan oleh defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan

dan akaun pendapatan meskipun akaun barangan mencatat lebih yang lebih kecil. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa yang lebih besar sebanyak RM62 bilion atau 3.4% daripada PNK dijangka direkodkan pada 2023.

Akaun barangan diunjur mencatat lebih yang lebih rendah sebanyak RM170.2 bilion pada 2023 disebabkan oleh penurunan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Sementara itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM41.5 bilion berikutan pemulihan dalam akaun perjalanan

dan defisit yang mengecil dalam akaun pengangkutan walaupun akaun perkhidmatan lain merekodkan defisit yang lebih besar. Keadaan di kebanyakan negara yang kembali normal secara berperingkat pascapandemik COVID-19 termasuk pembukaan semula sempadan China diunjur memberikan kesan positif kepada pelancongan di Malaysia. Hasilnya, akaun perjalanan dijangka mencatat lebihan sebanyak RM14.5 bilion. Impak positif dalam industri perjalanan udara terutamanya disumbangkan oleh peningkatan kekerapan penerbangan dan penerusan semula operasi penerbangan langsung. Perkembangan tersebut menyumbang kepada peningkatan pendapatan syarikat domestik berikutan tambang penerbangan dan caj pengangkutan yang kompetitif serta bayaran bagi aktiviti lapangan terbang dan pelabuhan. Di samping itu, lonjakan ketibaan pelancong dijangka menyumbang kepada defisit yang lebih kecil sebanyak RM28.7 bilion dalam akaun pengangkutan. Walau bagaimanapun, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat

defisit yang lebih besar sebanyak RM27.3 bilion berikutan peningkatan bayaran untuk pembinaan, perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan serta perkhidmatan kewangan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM47.1 bilion pada 2023 disumbangkan oleh defisit yang lebih rendah dalam akaun pendapatan pelaburan meskipun pampasan pekerja merekodkan defisit lebih tinggi. Pengurangan defisit kepada RM37.8 bilion dalam akaun pendapatan pelaburan disumbangkan oleh peningkatan terimaan akaun pendapatan pelaburan khususnya akaun pelaburan lain walaupun bayaran yang lebih rendah direkodkan dalam akaun pendapatan pelaburan terutamanya bagi akaun pelaburan langsung. Selain itu, pampasan pekerja dijangka mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM9.3 bilion disebabkan oleh kenaikan gaji secara berperingkat. Peningkatan defisit ini juga sebahagiannya berikutan peningkatan bilangan profesional asing di Malaysia susulan pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti sedia ada.

JADUAL 2.11. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2022 - 2024 (RM juta)*

	2022			2023 ¹			2024 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	1,378,452	1,248,820	129,632	1,272,424	1,143,757	128,667	1,345,773	1,206,785	138,988
Barangan	1,238,180	1,052,151	186,029	1,078,138	907,968	170,171	1,134,967	960,092	174,876
Perkhidmatan	140,272	196,670	-56,397	194,285	235,789	-41,504	210,806	246,693	-35,888
Pengangkutan	25,604	59,649	-34,045	32,298	60,983	-28,685	34,220	62,129	-27,908
Perjalanan	28,370	29,526	-1,156	63,989	49,539	14,450	76,550	53,815	22,735
Perkhidmatan lain	86,299	107,495	-21,196	97,998	125,268	-27,269	100,035	130,750	-30,715
Pendapatan primer	88,704	148,118	-59,414	93,005	140,124	-47,119	97,067	155,557	-58,490
Pampasan pekerja	7,124	14,359	-7,235	8,306	17,642	-9,336	8,736	18,968	-10,232
Pendapatan pelaburan	81,580	133,759	-52,179	84,699	122,482	-37,783	88,331	136,589	-48,258
Pendapatan sekunder	22,765	37,885	-15,120	35,334	54,909	-19,575	37,546	55,804	-18,258
Imbangan akaun semasa	1,489,921	1,434,823	55,098	1,400,763	1,338,791	61,972	1,480,386	1,418,146	62,240
% daripada PNK			3.2			3.4			3.2

¹ Anggaran

² Unjuran


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder pada 2023 dijangka meningkat kepada RM35.3 bilion berikutan kiriman wang masuk yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Walau bagaimanapun, bayaran dalam akaun ini dijangka meningkat kepada RM54.9 bilion seterusnya menyebabkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM19.6 bilion. Peningkatan dalam bayaran disebabkan oleh kiriman wang keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing dari Bangladesh, Filipina, India, Indonesia dan Nepal berikutan pengembangan yang berterusan dalam aktiviti ekonomi dan semakan gaji minimum.

Pada separuh pertama 2023, akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM13.9 bilion kesan daripada penurunan ketara aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan lain serta aliran keluar bersih lebih tinggi dalam akaun pelaburan portfolio dan akaun derivatif kewangan. Di samping itu, FDI mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM15.1 bilion terutamanya bagi aktiviti kewangan dan insurans/takaful; sektor maklumat dan komunikasi; serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia

berkurang kepada RM9.1 bilion terutamanya bagi aktiviti kewangan dan insurans/takaful; sektor bekalan elektrik, gas, wap dan penyaman udara; serta sektor pengangkutan dan penyimpanan.

RAJAH 2.7. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

RENCANA 2.2

Memacu Pertumbuhan Ekonomi Berimpak Tinggi melalui Pelaburan Langsung

Pengenalan


Pelaburan langsung mempunyai peranan yang penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi berikutan keupayaan dalam meningkatkan peluang pekerjaan, produktiviti dan daya saing negara. Sumbangan secara langsung dan tidak langsung kepada aktiviti ekonomi daripada aspek KDNK turut diperolehi melalui pelaburan langsung. Objektif pelaburan ini adalah untuk mewujudkan kepentingan berkekalan yang melibatkan hubungan jangka masa panjang antara pelabur langsung¹ dan enterpris pelaburan langsung² dalam negara lain. Selain itu, pelaburan langsung merupakan elemen utama dalam integrasi ekonomi antarabangsa dan saluran penting untuk pemindahan teknologi.

¹ Pelabur langsung merupakan entiti (unit institusi) residen dalam sebuah ekonomi yang telah memperoleh secara langsung atau tidak langsung sekurang-kurangnya 10% daripada kuasa mengundi sesebuah perbadanan (enterpris) atau setara untuk enterpris yang tidak diperbadankan, residen dalam ekonomi lain.

² Enterpris pelaburan langsung ialah enterpris residen dalam sebuah ekonomi dan yang mana pelabur residen dalam ekonomi lain memiliki secara langsung atau tidak langsung 10% atau lebih kuasa mengundi jika enterpris diperbadankan atau yang setara untuk enterpris yang tidak diperbadankan.

Berdasarkan prinsip asas arah aliran, pelaburan langsung boleh dijelaskan sebagai pelaburan langsung ke dalam atau ke luar negara tuan rumah yang merujuk kepada negara tempat pelabur residen seperti dalam Rajah 2.2.1. Pelaburan langsung ke dalam negara (selepas ini dikenali sebagai FDI) meliputi semua liabiliti dan aset antara enterpris residen dan pelabur asing. Pelaburan ini secara umumnya digunakan untuk menerangkan aliran pelaburan ke negara tertentu dan menjelaskan aliran masuk modal dan kepakaran daripada pelabur asing.


RAJAH 2.2.1. Pelaburan Langsung ke Dalam dan ke Luar Negara



Sumber: OECD Benchmark Definition of Foreign Direct Investment, Fourth Edition, 2008, Balance of Payments and International Investment Position Manual Sixth Edition (BPM6), 2009 dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, pelaburan langsung ke luar negara atau dikenali sebagai pelaburan langsung di luar negeri (DIA) merangkumi aset dan liabiliti antara pelabur langsung residen dan enterpris pelaburan langsung. Pelaburan langsung di luar negeri menekankan pelaburan luar oleh residen atau entiti sesebuah negara dan menekankan penglibatan residen atau entiti tersebut dalam pasaran dan aset asing. Ringkasan ciri FDI dan DIA seperti dalam Rajah 2.2.2. Kedua-dua FDI dan DIA melibatkan aktiviti pelaburan rentas sempadan dengan tumpuan dan perspektif yang berbeza.

RAJAH 2.2.2. Ciri-ciri Pelaburan Langsung Asing dan Pelaburan Langsung di Luar Negeri



Sumber: OECD Benchmark Definition of Foreign Direct Investment, Fourth Edition, 2008, Balance of Payments and International Investment Position Manual Sixth Edition (BPM6), 2009 dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sorotan Mengenai Pelaburan Malaysia

Selaras dengan garis panduan yang disediakan dalam *Balance of Payments and International Position Manual* oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), transaksi pelaburan langsung direkodkan dalam akaun kewangan imbangan pembayaran. Transaksi tersebut seterusnya diterjemahkan dalam pengiraan KDNK dan pendapatan negara kasar (PNK). Prestasi pelaburan langsung Malaysia merekodkan aliran keluar bersih dari 2008 hingga 2015 manakala mulai 2016 hingga 2022, pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih disumbangkan oleh aliran masuk FDI yang lebih tinggi.

Kedudukan Malaysia yang terletak di kawasan tengah ASEAN dan Lingkungan Asia Pasifik menjadikan negara kekal sebagai destinasi menarik bagi pelabur. Kelebihan ini turut disokong oleh persekitaran pelaburan yang menggalakkan, pembangunan infrastruktur dan telekomunikasi yang maju, perkhidmatan kewangan dan perbankan yang teguh, kerangka perundangan yang kukuh, tenaga buruh yang mahir serta peluang pasaran yang pelbagai. Tambahan pula, 16 perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah diratifikasi turut menyokong pelaburan langsung negara. Malaysia mengekalkan kedudukan yang kukuh pada peringkat global dengan menduduki tempat kedua tertinggi di Asia Tenggara dan ke-14 daripada 171 negara dalam laporan DHL Global Connectedness Index (GCI) pada 2023 dan kedudukan ke-27 dalam IMD World Competitiveness 2023. Walaupun berhadapan cabaran global berikutan pandemik COVID-19, namun penarafan oleh pelbagai agensi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang berdaya saing dan menarik.


Walau bagaimanapun, Malaysia berkemungkinan berdepan dengan cabaran termasuk prospek global yang sukar dijangka, ketidaktentuan sektor kewangan, inflasi yang tinggi dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan. Pihak IMF telah mengunjurkan pertumbuhan global menyederhana daripada 3.5% pada 2022 kepada 3% pada 2023 dan 2024 manakala Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan global yang lebih rendah iaitu 2.1% pada 2022 berbanding 3.1% pada 2023. Pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan ini menjejaskan landskap pelaburan secara holistik apabila pelabur menjadi lebih selektif dan berwaspada dalam membuat keputusan perniagaan.

Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Kebanyakan negara membangun cenderung untuk memilih FDI berbanding bentuk aliran modal lain berikutan sifat daya tahan terhadap ketidaktentuan ekonomi. Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada impak yang timbul daripada pelbagai krisis. Walau bagaimanapun, FDI di Malaysia terbukti berdaya tahan dan terus mencatat aliran masuk bersih meskipun berdepan dengan Krisis Kewangan Global 2008 – 2009 dan pandemik COVID-19 baru-baru ini.

Walaupun merekodkan pertumbuhan negatif semasa krisis tersebut, namun Malaysia masih mampu mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.1 bilion pada 2009 dan RM13.3 bilion pada 2020 seperti dalam Rajah 2.2.3. Aliran masuk bersih FDI melonjak lebih tiga kali ganda kepada RM50.4 bilion pada 2021 dan mencatatkan jumlah tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM74.6 bilion pada 2022. Peningkatan ini didorong oleh dasar yang berkesan melalui penekanan dalam menggalakkan FDI, pemulihan ekonomi yang kukuh dan manfaat kesan limpahan daripada lencongan perdagangan. Peningkatan ini juga disebabkan oleh penempatan semula MNC bagi mengelakkan tarif yang tinggi serta kestabilan pertumbuhan pelaburan berkualiti tinggi terutamanya dalam sektor pembuatan.

RAJAH 2.2.3. Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Negara tuan rumah menerima banyak manfaat daripada FDI terutamanya dalam pemindahan teknologi termaju, kepakaran pengurusan dan amalan terbaik daripada pelabur asing. Tambahan pula, FDI menyediakan peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan. Lebih daripada 700,000 peluang pekerjaan atau 44.7% daripada jumlah pekerjaan pada 2000 hingga 2022 yang dijana melalui projek pelaburan di bawah MIDA diperolehi daripada projek milikan asing. Daripada jumlah pewujudan pekerjaan tersebut, sekitar 82% adalah untuk warga tempatan dan kebanyakannya dalam sektor pembuatan (MIDA, 2023). Pemindahan pengetahuan boleh meningkatkan keupayaan teknologi industri tempatan sekali gus meningkatkan daya saing syarikat tempatan pada peringkat global. Pembangunan kemahiran pekerja juga akan dipertingkatkan melalui latihan sambil bekerja, peluang pembangunan profesional dan pendedahan kepada amalan kerja antarabangsa yang disediakan oleh syarikat asing. Selain itu, FDI juga boleh menawarkan akses kepada rangkaian pengedaran global dan menyumbang kepada pengembangan eksport yang menggunakan kandungan dan sumber tempatan serta pengeluaran produk tempatan untuk memenuhi permintaan antarabangsa.

Malaysia telah mempelbagaikan ekonomi bagi meningkatkan rantai nilai dan mengurangkan kebergantungan kepada komoditi. Berdasarkan perspektif sektoral, tumpuan FDI telah beralih daripada sektor berasaskan komoditi kepada sektor berasaskan pembuatan dan perkhidmatan seperti dalam Rajah 2.2.4. Pada 2010, sebahagian besar FDI telah disalurkan dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 56.7% diikuti oleh sektor perkhidmatan (33.6%) dan sektor berasaskan komoditi (11%). Sumbangan sektor pembuatan dan perkhidmatan semakin signifikan iaitu lebih 97% daripada jumlah FDI pada 2022. Peningkatan ini berikutan perubahan hala tuju dasar yang strategik ke arah aktiviti bernilai tambah lebih tinggi dan pelaburan berkualiti dalam sektor tersebut. Evolusi dalam sektor pembuatan daripada proses pengeluaran industri konvensional kepada konsep inklusif turut menyumbang kepada peningkatan ini. Penekanan lebih besar juga diberikan kepada pembangunan sektor perkhidmatan yang berperanan sebagai jentera pertumbuhan utama dalam memacu dan mengekalkan daya tahan ekonomi.


RAJAH 2.2.4. Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia mengikut Sektor (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi aliran FDI di Malaysia mengikut benua, negara Asia Timur khususnya Jepun dan Hong Kong membuat pelaburan tertinggi bagi tempoh 2010 hingga 2022 iaitu sekitar 35% daripada jumlah FDI bersih sebanyak RM497 bilion. Pada 2022, Amerika Utara menyumbang FDI tertinggi sebanyak 49.8% diikuti oleh Asia Timur (29.5%) dan Asia Tenggara (19%) seperti dalam Rajah 2.2.5. Dalam kalangan rakan setara ASEAN, Singapura menerima FDI tertinggi sebanyak USD1,016 bilion bagi tempoh 2010 hingga 2022 diikuti oleh Indonesia (USD239.7 bilion), Viet Nam (USD161.5 bilion) dan Malaysia (USD132.2 bilion).

RAJAH 2.2.5. Pelaburan Langsung Asing di Malaysia mengikut Blok Negara Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun FDI menawarkan pelbagai kelebihan kepada negara, namun Malaysia perlu berwaspada dalam mendepani risiko yang mungkin berlaku. Antara cabaran tersebut termasuk kebergantungan yang tinggi kepada syarikat asing yang boleh mengurangkan kawalan kedaulatan ke atas sektor strategik. Selain itu, keuntungan yang dijana oleh syarikat asing boleh dihantar pulang ke negara asal sekali gus mengurangkan faedah ekonomi yang dikekalkan di Malaysia. Persaingan tidak setara antara perniagaan asing dan tempatan turut merupakan cabaran utama yang boleh mengancam pembangunan dan kelangsungan enterpris domestik.


Pelaburan Langsung Malaysia Di Luar Negeri

Pelaburan langsung ke luar negara atau DIA memberikan beberapa faedah kepada pelabur termasuk kepelbagaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran dan meminimumkan risiko yang berkaitan dengan kemelesetan ekonomi di negara tuan rumah. Di samping itu, syarikat memperoleh potensi manfaat daripada kekayaan sumber asing seperti bahan mentah, pakar industri, teknologi termaju serta akses pasaran di wilayah berkaitan. Pelaburan di luar negeri juga dapat memberikan pendedahan kepada syarikat mengenai amalan perniagaan antarabangsa, memupuk inovasi dan meningkatkan daya saing pada peringkat global.

Jumlah DIA yang signifikan direkodkan semasa tempoh prapandemik telah membuktikan bahawa syarikat Malaysia berdaya saing pada peringkat global dengan mencatatkan purata tahunan sebanyak RM35.7 bilion dari 2005 hingga 2019. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai ringgit memberikan cabaran kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Persekitaran ekonomi global yang mencabar dan ketegangan geopolitik juga memberikan kesan kepada landskap pelaburan pada peringkat global. Sehubungan itu, prestasi DIA terjejas dan menunjukkan penurunan trend dari 2015 hingga 2018 seterusnya menyusut secara mendadak pada 2020 akibat pandemik COVID-19. Namun begitu, trend ini kembali melonjak pada 2021 dan 2022 berikutan penerusan semula aktiviti ekonomi pascapandemik.

Dari perspektif sektoral, DIA tertumpu terutamanya dalam sektor perkhidmatan khususnya aktiviti kewangan dan insurans/takaful. Sumbangan pelaburan dalam sektor perkhidmatan berkembang daripada 61% pada 2010 kepada 72% pada 2022 yang sebahagiannya berikutan lonjakan dalam sektor perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, sumbangan sektor berasaskan komoditi berkurang daripada 27.5% pada 2010 kepada 14.6% pada 2022 selaras dengan pengurangan kebergantungan kepada aktiviti bernilai tambah rendah serta evolusi dalam trend mega global seperti dalam Rajah 2.2.6.


RAJAH 2.2.6. Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri mengikut Sektor (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Asia Tenggara kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi syarikat Malaysia dengan sumbangan sebanyak 44% daripada jumlah DIA pada 2010 dan berkembang kepada 50% pada 2022 seperti dalam Rajah 2.2.7. Sementara itu, pelaburan syarikat Malaysia di Eropah telah meningkat ketara dengan peningkatan bahagian DIA daripada 16% pada 2010 kepada 36% pada 2022. Terdapat juga peningkatan dalam sumbangan pasaran Amerika Utara daripada 0.5% pada 2010 kepada 6.9% pada 2022. Peningkatan pelaburan dalam pasaran tersebut disumbangkan oleh pulangan yang memberangsangkan.

RAJAH 2.2.7. Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri mengikut Blok Negara Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, wujud cabaran DIA kepada syarikat Malaysia seperti perbezaan pengawalseliaan yang boleh menimbulkan kesulitan dan isu perundangan apabila berhadapan dengan pelbagai pihak yang mempunyai bidang kuasa berbeza. Di samping itu, pelaburan di luar negeri berdepan risiko turun naik mata wang sekali gus memberikan kesan kepada keuntungan dan aliran tunai. Syarikat juga terdedah kepada risiko geopolitik termasuk perubahan dasar kerajaan, ketegangan perdagangan dan ketidakstabilan politik.

Melangkah ke Hadapan

Malaysia berhasrat untuk menjadi antara ekonomi terkemuka pada peringkat global seperti yang dinyatakan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Justeru, usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan daya saing dan mempromosikan negara sebagai destinasi pelaburan utama. Dalam hal ini, dasar pelaburan yang komprehensif serta usaha bersepadu antara agensi kerajaan dan sektor swasta akan dipergiat. Pada masa yang sama, syarikat Malaysia juga perlu meneroka pasaran baru muncul secara aktif dan menceburi pelaburan *greenfield* seperti pelaburan berkaitan ESG.

Selaras dengan sumbangan besar pelaburan kepada pembangunan ekonomi, Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) telah diperkenalkan pada 2022 sebagai garis panduan utama bagi Dasar Pelaburan Baharu (NIP), 2022 – 2027. Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang baru dilancarkan akan meningkatkan lagi FDI dan DIA yang berkualiti tinggi. Lima tonggak utama telah digariskan dalam dokumen dasar tersebut bagi menggiatkan semula ekosistem pelaburan yang disokong oleh keperluan untuk meningkatkan amalan ESG merentas ekonomi. Tonggak utama tersebut adalah meningkatkan kompleksiti ekonomi; mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi; meluaskan rantaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta meningkatkan keterangkuman.

Kesimpulan

Kedua-dua FDI dan DIA memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi Malaysia. Aktiviti FDI telah menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi dan perindustrian Malaysia. Sementara itu, DIA mencerminkan pengembangan perniagaan Malaysia pada peringkat global. Justeru, Malaysia perlu mengguna pakai pendekatan yang seimbang dan strategik dalam FDI dan DIA bagi menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan bernilai tinggi. Pada masa yang sama, pelaburan langsung berupaya menjana pemindahan pengetahuan dan sumber berharga bagi terus mempercepat pertumbuhan ekonomi dan peralihan Malaysia kepada ekonomi maju.

Harga

Inflasi keseluruhan terus menyederhana

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 2.8% dalam tempoh Januari hingga Ogos 2023 disumbangkan oleh trend harga komoditi global yang menyederhana; pengurangan gangguan berkaitan bekalan; kawalan harga dan pemberian subsidi untuk barangan terpilih sedia ada; serta kesan tertangguh berikutan normalisasi OPR. Inflasi dijangka kekal sederhana bagi tempoh empat bulan terakhir manakala inflasi teras dijangka kekal tinggi dalam tempoh yang sama berbanding purata jangka masa panjang.

JADUAL 2.12. *Indeks Harga Pengguna, Januari - Ogos 2022 dan 2023 (2010 = 100)*

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2022	2023	2022	2023
IHP	100.0	3.1	2.8	3.10	2.80
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	5.1	5.7	1.50	1.69
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.5	0.6	0.01	0.02
Pakaian dan kasut	3.2	0.0	0.3	0.00	0.01
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	1.7	1.7	0.40	0.41
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	3.3	2.7	0.14	0.11
Kesihatan	1.9	0.5	2.0	0.01	0.04
Pengangkutan	14.6	4.5	1.6	0.66	0.23
Komunikasi	4.8	0.0	-2.6	0.00	-0.12
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	1.8	1.7	0.09	0.08
Pendidikan	1.3	1.0	1.8	0.01	0.02
Restoran dan hotel	2.9	4.0	6.2	0.12	0.18
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	1.8	2.4	0.12	0.16

¹ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi keseluruhan tahun, inflasi dianggar antara 2.5% hingga 3%.


Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan merosot sebanyak 2.4% pada lapan bulan pertama 2023 disebabkan oleh harga komoditi global yang menyederhana terutamanya minyak mentah. Berdasarkan sektor tertentu, penguncupan dalam IHPR sebahagian besarnya didorong oleh penurunan ketara dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (19.4%) serta perlombongan (8.4%). Secara keseluruhan, IHPR dijangka menyusut antara -2.5% hingga -0.5% pada 2023 disebabkan oleh kos input global yang lebih rendah.

JADUAL 2.13. Indeks Harga Pengeluar, Januari - Ogos 2022 dan 2023 (2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2022	2023	2022	2023
IHPR	100.000	9.7	-2.4	9.700	-2.400
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	11.0	-19.4	0.740	-1.306
Perlombongan	7.927	18.8	-8.4	1.490	-0.666
Pembuatan	81.571	9.2	0.2	7.505	0.163
Bekalan elektrik dan gas	3.442	0.4	0.8	0.014	0.028
Bekalan air	0.330	1.8	3.2	0.006	0.011
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.000	9.7	-2.4	9.700	-2.400
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	13.7	-14.8	2.248	-2.429
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	12.2	-0.2	6.847	-0.112
Barang siap	27.471	1.1	3.6	0.302	0.989

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016
 Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.8. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh

Pertumbuhan kukuh dalam pasaran buruh

Pemulihan dalam pasaran buruh kekal kukuh pada separuh pertama 2023 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang stabil didorong oleh permintaan domestik yang menggalakkan. Justeru, permintaan agregat buruh meningkat seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran. Tenaga buruh meningkat sebanyak 2.7% kepada 16.3 juta orang seterusnya menyumbang kepada peningkatan ketara dalam kadar penyertaan tenaga buruh kepada 69.9%. Jumlah **guna tenaga** juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 3.4% kepada 15.7 juta orang. Peningkatan tersebut telah mengurangkan bilangan penganggur dengan ketara kepada 569,400 orang. **Kadar pengangguran** mencatat 3.5% yang menunjukkan trend pasaran buruh kembali kepada paras prapandemik. Sektor perkhidmatan (65.3%) dan pembuatan (16.8%) kekal sebagai sumber utama peluang pekerjaan dalam ekonomi.

Penunjuk lain dalam pasaran buruh juga terus bertambah baik dalam tempoh yang sama. **Penempatan pekerjaan** meningkat sebanyak 58% kepada lebih 72,000 yang menggambarkan lebih ramai pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan baharu. Bilangan **pemberhentian pekerja** pula kekal rendah

sebanyak 21,371 orang berikutan perniagaan mengekalkan bilangan pekerja yang mencukupi untuk menyokong operasi perniagaan yang menggalakkan. Sementara itu, bilangan **kekosongan** mencatat lebih 164,000 jawatan sehingga akhir Jun 2023 khususnya dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Walau bagaimanapun, bilangan **penganggur** berkurang sebanyak 18% kepada sekitar 52,000 orang. Keadaan ini mungkin mencerminkan bahawa lebih ramai orang berminat untuk bekerja sendiri sebagai sumber pendapatan utama berbanding pekerjaan bergaji.

Pasaran buruh dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan yang lebih baik pada separuh kedua 2023 disokong oleh pengembangan berterusan dalam ekonomi domestik. Justeru, kadar pengangguran keseluruhan pada 2023 diunjur sekitar 3.5% sementara guna tenaga meningkat sebanyak 2.6% kepada 15.8 juta orang. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga sebanyak 65.1% khususnya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan makanan dan minuman. Sektor pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 16.7% daripada jumlah guna tenaga terutamanya dalam industri E&E serta makanan dan minuman manakala sektor pertanian sebanyak 10% khususnya dalam industri kelapa sawit.

JADUAL 2.14. *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 ¹	2023 ²	2024 ³	H1 ¹	2023 ²	2024 ³
Tenaga buruh	16,312.3	16,358.6	16,669.4	2.7	2.1	1.9
Guna tenaga	15,743.0	15,784.2	16,099.9	3.4	2.6	2.0
Pengangguran	569.4	574.4	569.5	(3.5)	(3.5)	(3.4)

¹ Januari hingga Jun 2023

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.15. Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 ²	2023 ³	2024 ⁴	H1 ²	2023 ³	2024 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,555.8	1,574.7	1,603.0	9.9	10.0	10.0
Perlombongan dan pengkuarian	84.9	84.9	85.5	0.5	0.5	0.5
Pembuatan	2,644.1	2,642.5	2,690.9	16.8	16.7	16.7
Pembinaan	1,185.3	1,196.8	1,212.4	7.5	7.6	7.5
Perkhidmatan	10,272.8	10,283.3	10,506.4	65.3	65.1	65.3
Jumlah¹	15,743.0	15,784.2	16,099.9	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Januari hingga Jun 2023

³ Anggaran

⁴ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sehingga akhir Ogos 2023, bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar meningkat sebanyak 43.1% kepada 1.8 juta orang berbanding 1.2 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan ini sebahagiannya disumbangkan oleh pelaksanaan sementara program kelonggaran pengambilan pekerja asing pada suku pertama 2023. Program ini bertujuan untuk mempercepat proses kelulusan penggajian pekerja asing berkemahiran rendah ke Malaysia bagi memenuhi keperluan buruh dalam semua sektor ekonomi terutamanya sektor perladangan dan pembinaan. Sebahagian besar pekerja asing berasal dari Bangladesh (32.1%), Indonesia (24.7%) dan Nepal (19.6%). Sektor pembuatan menggaji jumlah pekerja asing tertinggi dengan bahagian sebanyak 35.1% diikuti oleh sektor pembinaan (22.3%) dan perkhidmatan (16.4%). Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja asing berkemahiran rendah kekal di bawah had 15% daripada jumlah guna tenaga selaras dengan dasar semasa untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja migran. Sementara itu, bilangan **ekspatriat** meningkat sebanyak 20.7% kepada 106,788 orang yang sebahagiannya disebabkan oleh kelonggaran dalam mobiliti pekerja migran. Kebanyakan ekspatriat berasal dari China (22%), India

(19.8%) dan Jepun (7.5%). Ekspatriat khususnya bekerja dalam sektor perkhidmatan (51.3%), teknologi maklumat (37.1%) dan pembinaan (7.6%).

Produktiviti buruh meningkat sebanyak 1.2% kepada RM47,124 pada separuh pertama 2023 disokong oleh peningkatan produktiviti dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan khususnya dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan walaupun terdapat penguncupan marginal dalam sektor pertanian, pembuatan dan perlombongan. Secara keseluruhan, produktiviti buruh dijangka meningkat sebanyak 1.4% kepada RM97,200 pada 2023 susulan jangkaan peningkatan produktiviti secara berterusan dalam sektor pembinaan (6.3%) dan perkhidmatan (2.2%).

Pada 2022, purata **gaji dan upah** bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji¹ meningkat sebanyak 5.8% kepada RM3,212 bagi setiap pekerja. Kenaikan ini sebahagiannya disumbangkan oleh semakan gaji minimum bulanan daripada RM1,200 kepada RM1,500 yang mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2022. Semua industri mencatatkan pertumbuhan gaji yang positif terutamanya dalam industri berkaitan pelancongan serta aktiviti

¹ Merujuk kepada warganegara.

perkhidmatan lain. Peningkatan berterusan dalam produktiviti dan peluang pekerjaan dijangka dapat meningkatkan jumlah purata gaji dan upah keseluruhan sebanyak 4.4% kepada RM3,355 pada 2023.

Tinjauan 2024

Tinjauan Global

Prospek pertumbuhan sederhana

Ekonomi global diunjur berkembang sebanyak 3% hasil daripada pertumbuhan sederhana dalam kalangan ekonomi maju dan EMDE. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.4% seterusnya mempengaruhi pertumbuhan global. Pertumbuhan KDNK AS dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 1% dalam persekitaran dasar monetari yang ketat secara berterusan. Sementara itu, pertumbuhan di kawasan euro dijangka meningkat sedikit kepada 1.5% disokong oleh aktiviti perkhidmatan dan pelancongan yang lebih kukuh. Pertumbuhan EMDE diunjur meningkat sebanyak 4.1% dengan jangkaan ekonomi China menyederhana kepada 4.5% disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dan pasaran buruh yang lemah. Sementara itu, ekonomi India dijangka berkembang sebanyak 6.3% terutamanya disokong oleh pelaburan domestik yang berterusan manakala pertumbuhan ASEAN-5 dijangka menyederhana sebanyak 4.5%.

Perdagangan global diunjur bertambah baik kepada 3.7% berikutan peningkatan aktiviti perdagangan di ekonomi maju sebanyak 3.2% dan EMDE sebanyak 4.5%. Eksport ekonomi maju dijangka berkembang sebanyak 3.1% dan import sebanyak 2.7%. Pada masa yang sama, eksport EMDE juga meningkat sebanyak 4.3% dan import sebanyak 5.1%.

Inflasi global diunjur sebanyak 5.2% didorong oleh jangkaan pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat dengan ekonomi maju mencatat 2.8% dan EMDE sebanyak

6.8%. Unjuran tersebut juga disokong oleh penambahbaikan dalam rantaian bekalan global serta penyederhanaan harga tenaga dan makanan.

Tinjauan Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Menerajui pertumbuhan ke arah ekonomi berdaya tahan

Sektor **perkhidmatan** dijangka meningkat sebanyak 5.6% pada 2024 didorong oleh pengembangan dalam semua subsektor. Di samping itu, aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak serta perbelanjaan pengguna yang berterusan dijangka terus memacu pertumbuhan sektor ini.

Subsektor perdagangan borong dan runcit akan kekal sebagai penyumbang utama sektor perkhidmatan dengan jangkaan peningkatan sebanyak 5.6%. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh pengembangan dalam segmen perdagangan runcit melalui penggunaan automasi yang lebih meluas, e-dagang dan pengalaman membeli-belah secara *omnichannel* yang membolehkan interaksi fizikal dan dalam talian yang lancar. Segmen kenderaan bermotor juga diunjur berkembang dengan pengenalan model mesra alam yang menampilkan teknologi termaju khususnya EV dan kenderaan hibrid dalam lingkungan harga yang lebih rendah.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang sebanyak 5.4% didorong oleh permintaan yang mampan untuk perkhidmatan profesional khususnya dalam bidang kejuruteraan berikutan aktiviti pembinaan yang rancak. Selain itu, segmen hartanah diunjur bertambah baik berikutan peningkatan dalam urusan niaga hartanah bukan kediaman dan kediaman. Subsektor maklumat dan komunikasi pula dijangka berkembang sebanyak 6.5% terutamanya disokong oleh

segmen telekomunikasi susulan peluasan liputan 5G yang pantas dan penerimgunaan model dwirangkaian. Prestasi subsektor ini juga akan menerima manfaat daripada peningkatan permintaan untuk perkhidmatan keterhubungan berkelajuan tinggi terutamanya melalui penerimgunaan teknologi internet satelit di kawasan luar bandar dan terpencil. Sementara itu, perkhidmatan berasaskan digital dijangka memacu pertumbuhan subsektor disumbangkan oleh liputan penstriman acara utama seperti Kejohanan Bola Sepak Eropah UEFA 2024 (UEFA Euro 2024) dan Sukan Olimpik 2024; penerimgunaan penyelesaian dan perkhidmatan awan; serta peningkatan dalam aktiviti perdagangan sosial.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka meningkat sebanyak 7.4% disokong oleh semua segmen berikutan pengembangan dalam aktiviti rel, lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang serta permintaan luar yang memberangsangkan. Segmen pengangkutan darat diunjur berkembang didorong oleh pertambahan frekuensi perkhidmatan rel serta peningkatan jumlah trafik di semua lebuhraya utama. Segmen pengangkutan udara juga dijangka bertambah baik didorong oleh peningkatan jumlah trafik penumpang susulan tambang penerbangan yang kompetitif berikutan peningkatan kapasiti dan frekuensi penerbangan oleh syarikat penerbangan. Sementara itu, segmen pengangkutan air dijangka kekal stabil disokong oleh pengembangan kapasiti pengendalian kargo dan kontena. Tambahan pula, Malaysia Maritime Single Window yang merupakan platform digital bersepadu akan mula beroperasi menjelang akhir 2023 dijangka meningkatkan daya saing pelabuhan dan memudahkan perkhidmatan perkapalan. Platform ini berfungsi sebagai portal sehenti bagi penyerahan tunggal dokumen yang berkaitan dengan pengawalseliaan maritim dan perkhidmatan pelabuhan.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka berkembang sebanyak 7.9% disumbangkan oleh peningkatan

ketara dalam jumlah ketibaan pelancong dan seterusnya memacu industri hospitaliti melepasi paras prapandemik. Industri pelancongan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek penambahbaikan pelancongan dan penerimgunaan platform digital bagi aktiviti promosi. Di samping itu, program tahun melawat negeri bagi Melaka, Perak dan Perlis pada 2024 dijangka menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur kembali pulih kepada 4.3% didorong oleh aktiviti ekonomi dan pelaburan yang berdaya tahan serta dasar dan hala tuju ekonomi yang lebih jelas berikutan pelaksanaan NETR, NIMP 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Dasar dan hala tuju tersebut serta peningkatan digitalisasi dalam perkhidmatan kewangan akan meningkatkan permintaan bagi pembiayaan, gadai janji dan kemudahan pinjaman. Segmen insurans dijangka kembali pulih disokong oleh kedudukan modal yang kukuh dan kecairan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, tuntutan bersih dijangka kekal tinggi disebabkan oleh peningkatan kos perubatan dan permintaan yang berterusan bagi perkhidmatan rawatan perubatan.

Subsektor utiliti dijangka berkembang sebanyak 5.3% didorong oleh peningkatan dalam permintaan penggunaan elektrik terutamanya bagi segmen perindustrian, komersial dan domestik. Penggunaan tenaga dalam segmen perindustrian dijangka menyederhana berbanding segmen komersial dan domestik disebabkan oleh inisiatif kecekapan tenaga dan peningkatan sumber penjanaan sendiri dalam segmen perindustrian termasuk panel solar di atas bumbung. Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi bagi infrastruktur pengecasan kenderaan akan meningkatkan penggunaan elektrik secara keseluruhan. Peningkatan ini adalah selari dengan unjuran jualan EV yang tinggi di samping sasaran penyediaan 10,000 petak pengecasan EV menjelang 2025.

Subsektor perkhidmatan lain dijangka meningkat sebanyak 5% didorong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) akan terus merencanakan semula industri kesihatan Malaysia dalam usaha membina asas pasaran yang lebih besar terutamanya dalam pasaran tumpuan seperti China, India dan Indonesia. Pada 2024, MHTC menganggarkan hasil industri pelancongan kesihatan akan kembali ke paras prapandemik sebanyak RM1.7 bilion. Di samping itu, Malaysia dijangka terus menarik kemasukan pelajar asing menerusi usaha promosi yang giat dijalankan oleh pejabat Education Malaysia dan Education Malaysia Global Services berserta universiti tempatan. Usaha tersebut termasuk mempromosikan jenama Education Malaysia di persada antarabangsa melalui program berimpak tinggi seperti *Edutourism, Meet and Greet with International Students in Malaysia* dan Seminar Pendidikan Tinggi Antarabangsa. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada 2024.

Sektor Pembuatan

Industri berorientasikan eksport kembali meningkat

Sektor **pembuatan** diunjur berkembang sebanyak 4.2% pada 2024 didorong oleh prestasi lebih baik dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Industri berorientasikan eksport dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan permintaan luar dengan segmen E&E diunjur melonjak terutamanya didorong oleh produk memori. Peningkatan ini sejajar dengan pemulihan permintaan bagi produk berteknologi termaju. Di samping itu, industri berorientasikan domestik dijangka terus meningkat disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam segmen berkaitan pengangkutan dan pembinaan seiring dengan perbelanjaan pengguna dan aktiviti perniagaan yang lebih baik. Selain itu, pelaksanaan inisiatif di bawah

Pelan Hala Tuju Industri Kimia 2030, NETR dan NIMP 2030 akan terus memperkukuh pertumbuhan sektor ini.

Sektor Pertanian

Trend pengembangan yang berterusan

Sektor **pertanian** dijangka meningkat sebanyak 1.2% pada 2024 dipacu oleh pengembangan dalam kebanyakan subsektor terutamanya kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan. Pengeluaran kelapa sawit diunjur meningkat berikutan fenomena El Niño yang dijangka memberikan kesan minimum dan keadaan tenaga buruh yang kembali ke paras prapandemik. Tambahan pula, peningkatan kawasan matang terutamanya di Semenanjung Malaysia dan kadar perahan minyak yang lebih tinggi berikutan pusingan penuaian yang lebih kerap juga dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini. Harga MSM diunjur berpurata antara RM4,000 hingga RM4,500 setan metrik pada 2024 (2023: RM3,500 – RM4,000 setan metrik) sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan pengeluaran minyak sayuran lain yang rendah dan permintaan MSM lebih tinggi dari negara pengimport utama. Subsektor pertanian lain dan ternakan diunjur terus berkembang dipacu oleh usaha bersepadu bagi mengukuhkan keterjaminan makanan dan memodenkan sektor pertanian. Selain itu, subsektor getah dianggar kembali pulih disumbangkan oleh penawaran tenaga buruh yang lebih baik serta aktiviti penorehan oleh pekebun kecil yang lebih giat berikutan inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan.

Sektor Perlombongan

Dijangka mencatat peningkatan

Sektor **perlombongan** diunjur kembali pulih sebanyak 2.7% pada 2024 dipacu oleh prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor gas asli serta minyak mentah dan kondensat. Jangkaan pengeluaran gas asli pertama daripada medan gas baharu seperti Gansar,

Jerun dan Kasawari serta pengeluaran yang lebih tinggi daripada medan gas sedia ada dijangka mendorong pertumbuhan subsektor gas asli. Selain itu, sektor perlombongan juga dijangka mendapat manfaat daripada pengeluaran minyak mentah dan kondensat yang lebih tinggi terutamanya di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Dari aspek harga, minyak mentah Brent diunjur pada purata USD85 setong dengan jangkaan permintaan yang lebih tinggi berikutan prospek global yang positif bagi 2024. Walau bagaimanapun, perubahan dalam pengeluaran dan penggunaan dunia mampu memberikan kesan ketara terhadap unjuran harga minyak.

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan kekal teguh

Sektor **pembinaan** diunjur meningkat sebanyak 6.8% pada 2024 berikutan prestasi yang lebih baik dalam semua subsektor. Subsektor kejuruteraan awam dijangka terus disokong oleh projek infrastruktur dan utiliti strategik termasuk Lingkaran Tengah Utama (CSR), Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan penyegeraan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Tambahan pula, projek loji tenaga solar baharu di bawah Program Tenaga Hijau Korporat akan menyokong pertumbuhan sektor ini. Pelaksanaan NIMP 2030 dijangka terus memperkukuh prestasi subsektor bangunan bukan kediaman memandangkan dasar ini akan menyediakan platform untuk menarik lebih banyak pelaburan ke dalam negara. Selain itu, subsektor bangunan kediaman dijangka bertambah baik selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah lebih banyak rumah mampu milik seperti yang digariskan di bawah KSP RMKe-12 dan skim Kejiranan MADANI serta pelancaran baharu projek perumahan oleh sektor swasta.

Permintaan Domestik

Peningkatan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta

Permintaan domestik diunjur berkembang sebanyak 5.3% pada 2024. Perbelanjaan sektor swasta terus menerajui aktiviti ekonomi dengan pertumbuhan sebanyak 5.6% dan menyumbang 4.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dianggar meningkat sebanyak 4.1% dan menyumbang 0.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

Penggunaan swasta diunjur meningkat sebanyak 5.7% berikutan pasaran buruh yang terus bertambah baik serta aktiviti ekonomi dan sosial pada peringkat domestik yang lebih kukuh. Di samping itu, pelaksanaan inisiatif Kerajaan termasuk meneruskan pindahan tunai kepada kumpulan sasar dijangka menyokong perbelanjaan isi rumah. Acara utama seperti UEFA Euro 2024 dan Sukan Olimpik 2024 serta trend perdagangan sosial yang semakin berkembang turut dijangka menggalakkan penggunaan swasta pada 2024.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% seiring dengan sentimen perniagaan yang lebih menggalakkan dan persekitaran luar yang semakin baik. Oleh itu, sektor swasta dijangka menggiatkan usaha untuk meningkatkan lagi perbelanjaan modal dalam ekonomi. Di samping itu, pelaburan swasta akan terus mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek bagi pelaburan yang diluluskan oleh MIDA terutamanya dalam subsektor E&E, kelengkapan pengangkutan serta maklumat dan komunikasi. Pelabur juga dijangka akan menyambut baik strategi dan langkah Kerajaan dalam menarik pelaburan berteknologi tinggi dan bernilai tinggi seperti yang turut digariskan di bawah NETR dan NIMP 2030.

Pelaburan awam diunjur meningkat sebanyak 8.3% pada 2024 disokong oleh DE Kerajaan Persekutuan serta perbelanjaan syarikat awam bukan kewangan yang lebih tinggi. Peruntukan DE akan disalurkan terutamanya kepada sektor ekonomi dan sosial sejajar dengan objektif KSP RMKe-12. Penerusan projek berkaitan pengangkutan seperti CSR, ECRL dan Rapid Transit System Link serta penyegeraan baik pulih sekolah dan klinik daif di kawasan luar bandar juga akan menjana momentum bagi trajektori pertumbuhan pelaburan awam. Projek strategik yang dijangka akan bermula pada 2024 termasuk projek tebatan banjir serta peluasan Taman Teknologi Tinggi Samajaya di Sarawak dan Taman Perindustrian Tok Bali di Kelantan. Sementara itu, **penggunaan awam** dijangka berkembang sebanyak 2.6% didorong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi dalam bekalan dan perkhidmatan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta usaha untuk berbelanja dengan lebih cekap dan berkesan.

Selaras dengan pengembangan aktiviti ekonomi domestik, PNK pada harga semasa dijangka meningkat sebanyak 6.2% pada 2024. Di samping itu, TNK diunjur turut berkembang sebanyak 2.9% kepada RM471.8 bilion dengan jumlah pelaburan dijangka meningkat sebanyak 3.3% kepada RM409.6 bilion. Sumbangan TNK diunjur kekal signifikan pada 24.6% daripada PNK. **Jurang tabungan-pelaburan** dianggar kekal mencatat lebih banyak RM62.2 bilion atau 3.2% daripada PNK. Lebih ini menyediakan mudah tunai mencukupi dalam sistem kewangan yang boleh digunakan untuk membiayai pelaburan jangka masa panjang dalam negara.

Pendapatan

Keperluan perubahan struktural untuk menyokong peningkatan pendapatan

Jangkaan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan pada 2024 dapat merangsang prospek pendapatan yang lebih tinggi kepada tenaga kerja. Inisiatif sedia ada

akan diperkukuh melalui penerimgunaan teknologi termaju dalam aktiviti pengeluaran, penambahbaikan produktiviti melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula serta pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Justeru, bahagian PP kepada KDNK diunjur meningkat kepada 33.1% pada 2024. Walau bagaimanapun, bahagian ini masih rendah jika dibandingkan dengan ekonomi maju lain dan sasaran PP sebanyak 40% pada 2025. Sehubungan itu, peralihan daripada struktur pasaran buruh bergaji rendah kepada standard gaji yang lebih wajar penting untuk mencapai agihan pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama antara pekerja dengan pemilik modal. Majikan juga perlu menganggap bayaran gaji lebih tinggi sebagai sumber pertumbuhan yang bukan sahaja dapat mengurangkan masalah struktural pasaran buruh yang berpanjangan tetapi juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan yang lebih tinggi.

Bahagian LKK daripada KDNK diunjur berkurang kepada 63.8% pada 2024 dengan pemilik modal terus menikmati bahagian yang besar daripada LKK. Sementara itu, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri atau usahawan bebas dijangka meningkat sebanyak 8.9% berikutan peningkatan permintaan terhadap pekerjaan gig yang akan mewujudkan lebih banyak prospek pendapatan bagi kumpulan ini. Usaha untuk memperluas perlindungan sosial kepada semua golongan yang bekerja sendiri termasuk pekerja dalam sektor informal juga boleh menggalakkan lebih banyak penglibatan golongan belia yang memilih untuk bekerja sendiri sebagai sumber pendapatan utama. Justeru, bahagian pendapatan campuran daripada KDNK dijangka meningkat kepada 15.5%.

Cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai ke atas pengeluaran dan import diunjur terus berkembang sebanyak 4.5% pada 2024 seiring dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kutipan hasil dan melaksanakan strategi bagi memperluas asas cukai. Sementara itu, perbelanjaan bagi subsidi dan insentif dijangka

menyusut sebanyak 24.8% sejajar dengan usaha Kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi dan melaksanakan bantuan bersasar. Sehubungan itu, pendapatan daripada cukai bersih ke atas pengeluaran dan import dijangka menyumbang sebanyak 3.1% kepada KDNK.

Sektor Luar Negeri

Pemulihan permintaan luar merancakkan perdagangan

Pada 2024, **eksport kasar** diunjur meningkat sebanyak 5.1% merentasi semua sektor berikutan prestasi perdagangan global dan prospek sektor komoditi yang bertambah baik. Peningkatan ini juga sebahagiannya disumbangkan oleh ratifikasi perjanjian perdagangan iaitu Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang akan membolehkan produk tempatan terus menembusi pasaran yang lebih luas.

Eksport barangan pembuatan diunjur kembali pulih sebanyak 5.5% susulan peningkatan permintaan bagi produk E&E yang menyumbang sebanyak 48.1% dan produk bukan E&E sebanyak 51.9%. Produk E&E diunjur meningkat sebanyak 4.9% didorong oleh permintaan stabil bagi semikonduktor berikutan trend kitaran menaik produk E&E. Unjuran pertumbuhan ini juga sejajar dengan pelaksanaan NIMP 2030 yang akan memacu sektor berimpak tinggi seperti E&E dan aeroangkasa. Pada masa yang sama, produk bukan E&E dianggar berkembang sebanyak 6.1% disumbangkan oleh permintaan tinggi bagi produk petroleum, kimia dan produk kimia serta barangan pembuatan logam.

Eksport barangan pertanian dijangka meningkat sebanyak 1.7% disokong oleh permintaan lebih tinggi bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit meskipun terdapat jangkaan impak

minimum daripada fenomena El Niño. Selain itu, perolehan eksport daripada barangan perlombongan diunjur berkembang sebanyak 2.9% disumbangkan oleh peningkatan permintaan daripada pasaran utama khususnya LNG (3.2%) dan minyak mentah (2.8%) serta harga tenaga global yang menggalakkan.

Import kasar diunjur berkembang sebanyak 4.9% pada 2024 disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi bagi barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan. Import barangan pengantara dijangka meningkat sebanyak 5.2% terutamanya disumbangkan oleh pengembangan sektor pembinaan yang didorong oleh projek infrastruktur dan utiliti strategik serta penyegeraan pelaksanaan projek di bawah RMKe-12. Sementara itu, import barangan modal diunjur berkembang sebanyak 5.1% seiring dengan aktiviti pelaburan yang menggalakkan. Import barangan penggunaan pula dijangka meningkat sebanyak 4.1% didorong oleh komponen makanan dan minuman.

Akaun semasa dijangka mencatat lebih sebanyak RM62.2 bilion atau 3.2% daripada PNK pada 2024 disumbangkan oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti ekonomi. Akaun barangan diunjur mencatat lebih sebanyak RM174.9 bilion berikutan prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam kalangan rakan dagang utama. Pendapatan lebih tinggi dalam akaun pengangkutan, perjalanan dan perkhidmatan lain dijangka mengecilkan defisit dalam akaun perkhidmatan kepada RM35.9 bilion. Terimaan daripada akaun pengangkutan diunjur meningkat kepada RM34.2 bilion disokong oleh pendapatan lebih tinggi daripada perkhidmatan pengangkutan udara dan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing pula dijangka menyebabkan peningkatan bayaran akaun pengangkutan kepada RM62.1 bilion berikutan aktiviti perdagangan yang memberangsangkan.

Pendapatan dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM76.6 bilion disumbangkan oleh aktiviti pelancongan yang rancak pada 2024 berikutan peningkatan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita. Sementara itu, bayaran dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM53.8 bilion disebabkan oleh perbelanjaan residen di luar negara untuk perniagaan, pendidikan dan aktiviti keagamaan. Akaun perkhidmatan lain pula dijangka mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM30.7 bilion disebabkan oleh bayaran yang lebih tinggi. Defisit ini selaras dengan pelaksanaan berterusan projek strategik dan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh berikutan pengembangan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit lebih besar sebanyak RM58.5 bilion berikutan bayaran lebih tinggi oleh pelabur asing seiring dengan pelaksanaan aktiviti pelaburan. Selain itu, penerimgunaan teknologi termaju secara berterusan termasuk kecerdasan buatan, pengkomputeran awan, digitalisasi dan automasi dijangka meningkatkan pampasan untuk profesional asing sekali gus menyumbang kepada defisit lebih tinggi. Akaun pendapatan sekunder juga dijangka mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM18.3 bilion terutamanya disebabkan oleh kiriman wang keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing.

Harga

Diunjur kekal terkawal

Kadar inflasi diunjur mencatat antara 2.1% hingga 3.6% pada 2024 sebahagiannya disebabkan oleh peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme subsidi bersasar bagi memastikan pengagihan sumber yang lebih saksama. Selain itu, prospek inflasi berhadapan risiko turun naik kadar pertukaran mata wang dan faktor berkaitan penawaran seperti harga komoditi global, ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim. Sementara itu, IHPR

dijangka lebih tinggi pada 2024 antara 0.1% hingga 2.1% sejajar dengan kesan asas yang berkurangan dan aktiviti pengeluaran yang lebih baik.

Pasaran Buruh

Prospek pekerjaan yang lebih terjamin

Jangkaan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada 2024 didorong oleh ekonomi domestik dan luar yang stabil akan merangsang lebih banyak permintaan buruh serta mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih menggalakkan. Usaha akan diambil untuk meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja dan menarik lebih banyak penyertaan dalam pasaran buruh seperti yang dinyatakan dalam kerangka Ekonomi MADANI. Usaha tersebut termasuk memperkukuh program latihan kemahiran supaya lebih selaras dengan permintaan pasaran, menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif kepada wanita dan memperluas perlindungan sosial kepada semua pekerja. Justeru, kadar pengangguran pada 2024 dijangka kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.4%. Jumlah guna tenaga diunjur meningkat sebanyak 2% kepada 16.1 juta orang dengan lebih daripada 80% peluang pekerjaan terus disediakan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Bilangan pekerja asing berkemahiran rendah dan ekspatriat dijangka meningkat pada 2024 berikutan strategi untuk memudah cara penyediaan bekalan pekerja yang mencukupi dalam memenuhi keperluan industri. Namun demikian, Kerajaan akan terus menggalakkan peningkatan produktiviti melalui automasi dan pendigitalan khususnya dalam industri berintensif buruh. Usaha juga akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan sistem levi pelbagai peringkat serta menggalakkan majikan supaya menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja migran.

Produktiviti buruh diunjur terus berkembang sebanyak 2.9% kepada RM99,900 pada 2024 terutamanya disumbangkan oleh sektor perkhidmatan berikutan aktiviti yang menggalakkan dalam industri berkaitan pelancongan. Pengukuhan pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan strategi untuk mengubah struktur industri ke arah industri yang dipacu teknologi juga akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti buruh.

Pada masa yang sama, purata gaji dan upah bulanan dijangka berkembang sebanyak 4.7% kepada RM3,514 pada 2024 selaras dengan peningkatan produktiviti buruh dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Inisiatif untuk mentransformasikan ekosistem gaji dan mendorong majikan menawarkan gaji yang lebih tinggi sebagai sumber pertumbuhan juga akan menyumbang kepada peningkatan gaji dan upah bulanan. Strategi yang dinyatakan dalam KSP RMKe-12 dan NIMP 2030 untuk mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi dan mempercepat penerimgunaan teknologi dalam industri akan menyumbang kepada PP yang lebih tinggi pada tahun 2024. Usaha tersebut seterusnya dapat membantu negara untuk mencapai sasaran PP sebanyak 45% daripada KDNK dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan

Ekonomi global dijangka menyederhana pada 2023 dan 2024 dipengaruhi oleh pelbagai risiko termasuk permintaan global yang lemah

daripada jangkaan; keadaan kewangan global yang lebih ketat; ketegangan perdagangan antara ekonomi utama dan ketidaktentuan geopolitik yang semakin meruncing serta halangan perdagangan yang semakin meningkat. Perdagangan global turut diunjur menyederhana pada 2023 sejajar dengan permintaan global yang rendah. Namun demikian, perdagangan global dianggap bertambah baik pada 2024 selaras dengan aktiviti perdagangan yang lebih kukuh. Malaysia sebagai ekonomi terbuka juga tidak terkecuali daripada perkembangan luar. Sehubungan itu, KDNK dijangka menyederhana pada 2023. Walau bagaimanapun, ekonomi negara dijangka mengukuh pada 2024 disokong oleh pengembangan dalam semua sektor serta prospek perdagangan global yang lebih baik.

Usaha perlu dipergiat bagi meningkatkan keupayaan negara beradaptasi dengan perubahan persekitaran yang pantas di samping memerlukan anjakan paradigma serta budaya inovasi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Penerusan projek strategik, digitalisasi, peningkatan produktiviti dan teknologi pembuatan termaju akan terus merangsang pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa sederhana. Semua sektor ekonomi dijangka mendapat manfaat daripada dasar yang baru diperkenalkan yang sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI seperti NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan dasar yang berkesan akan terus meningkatkan pertumbuhan dan daya tahan negara dalam mendepani landskap global yang mencabar.

Rujukan

- Abdul Karim, Z., Abdul Karim, B., & Ahmad, R. (2012). Fixed investment, household consumption, and economic growth: A structural vector error correction model (SVECM) study of Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 13(1), 63-76.
- Abidin, M. Z., & Loke, W. H. (2008). Revealed comparative advantage of Malaysian exports: The case for changing export composition. *Asian Economic Papers*, 7(3), 130-147.
- Altman, S. A., & Bastian, C. R. (2023). *DHL Global Connectedness Index 2022*. DHL & NYU Stern School of Business. <https://www.dhl.com/content/dam/dhl/global/delivered/documents/pdf/dhl-global-connectedness-index-2022-complete-report.pdf>
- ASEAN Capital Markets Forum. (2023, Jun 8). *Initiatives: Sustainable finance. ASEAN taxonomy for sustainable finance version 2*. <https://www.theacmf.org/initiatives/sustainable-finance/asean-taxonomy-for-sustainable-finance-version-2>
- ASEAN Secretariat. (2021, November 10). *ASEAN Sectoral Bodies release ASEAN taxonomy for sustainable finance – Version 1*. <https://asean.org/asean-sectoral-bodies-release-asean-taxonomy-for-sustainable-finance-version-1/>
- ASEAN Statistics Division. (2022). *Flows of inward foreign direct investment (FDI) to ASEAN Countries*. <https://data.aseanstats.org/indicator/FDI.AMS.TOT.INF>
- ASEAN Taxonomy Board. (2021). *ASEAN taxonomy for sustainable finance*. <https://asean.org/book/asean-taxonomy-for-sustainable-finance/>
- ASEAN Taxonomy Board. (2023a). *ASEAN taxonomy for sustainable finance – Version 2*. <https://asean.org/wp-content/uploads/2023/03/ASEAN-Taxonomy-Version-2.pdf>
- ASEAN Taxonomy Board. (2023b, Mac 27). *ASEAN Finance Sectoral Bodies release ASEAN taxonomy for sustainable finance – Version 2* [Siaran media]. https://asean.org/wp-content/uploads/2023/03/Media-statement_ASEAN-Taxonomy-Version-2-FINAL-for-Publication-1.pdf
- Bank Dunia. (2023a). *Global economic prospects: Weakening growth, financial risks, June 2023*. <https://www.worldbank.org/en/publication/global-economic-prospects>
- Bank Dunia. (2023b). *World Bank East Asia and The Pacific economic update October 2023: Services for development*. <https://openknowledge.worldbank.org/server/api/core/bitstreams/5620cb1a-0b68-4a83-91c1-d8d701910a7f/content>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *A critical assessment of direct investments abroad (DIA) and the changing nature of foreign direct investments (FDI)*. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/826852/AR+BA6++A+Critical+Assessment+of+Direct+Investments+Abroad+%28DIA%29+and+FDI.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2023a, Mac 30). *ASEAN Finance Sectoral Bodies release ASEAN taxonomy for sustainable finance version 2*. <https://www.bnm.gov.my/-/asean-taxonomy-v2>
- Bank Negara Malaysia. (2023b, September 7). *Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia pada 30 Ogos 2023*. <https://www.bnm.gov.my/-/rizab-antarabangsa-bank-negara-malaysia-pada-30-ogos-2023>
- Bank Negara Malaysia. (2023c). *Sorotan dan perangkaan bulanan Julai 2023*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-julai-2023>
- Coalition of Finance Ministers for Climate Action. (2023). *ASEAN taxonomy for sustainable finance version 2* [Slaid PowerPoint]. <https://www.financeministersforclimate.org/sites/cape/files/inline-files/2023%20Green%20Transition%20Taxonomy%20SFIA.pdf>
- Economist Intelligence Unit. (2023, Ogos 16). *EIU global outlook – A summary of our latest views*. <https://viewpoint.eiu.com/analysis/article/843464867/>

- Fukuda, K., & Watanabe, C. (2012). A transition from consumption-dependent development to investment-driven development: A comparison of 40 countries. *Journal of Technology Management for Growing Economies*, 3(2), 137-157. <https://doi.org/10.15415/jtmge.2012.32011>
- International Institute for Management Development. (2023). *World competitiveness booklet 2023*. <https://www.imd.org/centers/wcc/world-competitiveness-center/rankings/world-competitiveness-ranking/2023/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Buku maklumat perangkaan Malaysia, 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Buku maklumat perangkaan Malaysia, 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023a). *Imbangan pembayaran Malaysia – Suku tahun pertama 2023*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023b). *Imbangan pembayaran Malaysia – Suku tahun kedua 2023*
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023c). *Keluaran dalam negeri kasar kaedah pendapatan 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023d). *Laporan survei gaji & upah 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023e). *Laporan survei tenaga buruh 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023f). *Pembentukan modal tetap kasar 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023g). *Penggunaan ICT dan e-dagang oleh pertubuhan 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023h). *Perangkaan ekonomi Malaysia – Data siri masa 2019*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023i). *Perangkaan perdagangan luar negeri bulanan, Ogos 2023*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023j). *Perusahaan mikro, kecil dan sederhana 2022*.
- Kementerian Ekonomi. (2023a). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025. Malaysia MADANI: Mampan, makmur, berpendapatan tinggi*. https://rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/storage/fileUpload/2023/09/2023091133_dokumen_utama_ksp_rmke_12.pdf
- Kementerian Ekonomi. (2023b). *National Energy Transition Roadmap*. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-08/National%20Energy%20Transition%20Roadmap.pdf>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2023a). *National investment aspirations*. <https://www.miti.gov.my/NIA/nia.html>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2023b). *Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030*. <https://www.nimp2030.gov.my/>
- Khalafalla, K. Y., & Webb, A. J. (2001). Export-led growth and structural change: Evidence from Malaysia. *Applied Economics*, 33(13), 1703-1715. <https://doi.org/10.1080/00036840010015066>
- Lean, H. H., & Tan, B. W. (2011). Linkages between foreign direct investment, domestic investment and economic growth in Malaysia. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 32(4), 75-96. <https://jecd.sesric.org/pdf.php?file=ART10102601-2.pdf>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2023a). *Investment statistics: Investment performance*. <https://www.mida.gov.my/why-malaysia/investment-statistics/>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2023b). *Malaysia investment performance report 2022: Sustainable investments for growth*. <https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2023/03/MIPR-2022.pdf>
- Mastercard-Crescentrating. (2023). *Mastercard-Crescentrating Global Muslim Travel Index 2023*. <https://www.crescentrating.com/reports/global-muslim-travel-index-2023.html>
- Menon, J. (2012). *Malaysia's investment malaise: What happened and can it be fixed?* ADB Economics Working Paper Series, 312. <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/29933/economics-wp-312.pdf>

- Organisation for Economic Co-Operation and Development. (2008). *OECD benchmark definition of foreign direct investment – Fourth edition 2008*. <https://www.oecd.org/daf/inv/investmentstatisticsandanalysis/40193734.pdf>
- Parlimen Malaysia. (2023). *Hansard Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas, Penggal Kedua Mesyuarat Kedua, Bil. 32, 22 Mei 2023*. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-22052023.pdf>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023). *Ekonomi MADANI: Memperkasa rakyat*. <https://www.pmo.gov.my/membangun-malaysia-madani/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/>
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (2023). *Trade performance: August 2023 and January - August 2023*. <https://www.matrade.gov.my/ms/about-matrade/211-pengeksport-malaysia/trade-performance-2023/5932-trade-performance-august-2023-and-january-august-2023>
- Persatuan Automotif Malaysia. (2023, Julai 20). *New motor vehicles sales continues its upwards momentum; MAA ups its TIV 2023 forecast* [Siaran media]. http://www.maa.org.my/pdf/2023/Market_Review_1st_Half_2023.pdf
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023, April 6). *Penglibatan bersama firma tenaga bersandarkan kesediaan taksonomi ASEAN untuk kewangan lestari*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/penglibatan-bersama-firma-tenaga-bersandarkan-kesediaan-taksonomi-asean-untuk-kewangan-lestari>
- Sustainable Finance Institute Asia. (2023, Jun 9). *Webinar on version 2 of the ASEAN taxonomy for sustainable finance*. <https://www.sfinstitute.asia/the-asean-taxonomy/>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2009). *Balance of payments and international investment position manual – Sixth edition (BPM6)*. <https://www.imf.org/external/pubs/ft/bop/2007/pdf/bpm6.pdf>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2023a). *World economic outlook, April 2023: A rocky recovery*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2023/04/11/world-economic-outlook-april-2023>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2023b). *World economic outlook update, July 2023: Near-term resilience, persistent challenges*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2023/07/10/world-economic-outlook-update-july-2023>
- Yusuf, S., & Nabeshima, K. (2009). *Tiger economies under threat: A comparative analysis of Malaysia's industrial prospects and policy options*. Kumpulan Bank Dunia.

